

# TINJAU PELAKSANAAN AKTIVITI 'KEMBALI KE SEKOLAH'

**Siaran Akhbar :  
Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Januari. - Sesi persekolahan penggal pertama bagi tahun akademik 2026 bagi semua sekolah rendah, menengah dan maktab serta pusat tingkatan enam kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah agama dan Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama bermula Sabtu lalu.

Sempena permulaan sesi persekolahan penggal pertama bagi tahun akademik 2026, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berserta rombongan mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Anggerak Desa, Sekolah Sukan dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti dan inisiatif sempena pembukaan penggal pertama bagi tahun 2026.

Antara fokus utama lawatan tersebut termasuk menyaksikan pelaksanaan orientasi, pengajaran dan pembelajaran, serta beberapa inisiatif strategik yang sedang dilaksanakan seperti Integrasi Mata Pelajaran Agama ke dalam Sistem Pendidikan Umum, Pendidikan dan Kemahiran STEAM (SES), dan Program Green Education Plan.

>> Muka 3

## Perkukuhkan semangat patriotisme, solidariti dalam kalangan pelajar

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri hari ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' serta Jerayawara Kenali ASEAN bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan kenegaraan dalam kalangan para penuntut.

Taklimat Kenegaraan berkenaan diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Husain dan dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim kepada seramai 163 orang penuntut Tahun 7 bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

>> Muka 5



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan semasa berinteraksi bersama salah seorang pelajar pada lawatan tersebut.

## Memastikan persekitaran kerja selamat

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Januari. - Bahagian Perkembangan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya (JKR) mengadakan Siri Kempen Kesedaran bagi Warga Kerja JKR selama dua hari bermula kelmarin pada sebelah pagi berlangsung di Dewan Atria Simpung, Bangunan Ibu Pejabat JKR.

Taklimat yang bertajuk 'Standard Keselamatan dan Kesihatan serta Kebajikan di Tempat Kerja' pada hari pertama dan 'Keselamatan Loji dan Makmal' pada hari kedua disampaikan oleh Penasihat dan Jurulatih HSE, Awang Rufian Rahman.

Seramai 150 orang pegawai dan kakitangan JKR menghadiri siri kempen berkenaan.

>> Muka 4

## Kempen Kebersihan meningkatkan semangat keprihatinan

**Siaran Akhbar : Majlis Perundingan Kampung Serasa**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Januari. - Kempen Membersih di rumah saudara yang tinggal di Kampung Serasa telah dilaksanakan oleh Ketua Kampung Serasa, Awang Abdurrahman bin Haji Othman bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Serasa pada baru-baru ini.

Kempen berkenaan dimulai dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Masyur bin Haji Mahadi, iaitu salah seorang belia Kampung Serasa.

Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Kempen berkenaan merupakan aktiviti pertama bagi MPK Serasa tahun ini dan ia memberi banyak manfaat kepada masyarakat setempat. Aktiviti berkenaan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup penghuni rumah yang dibersihkan. Dengan persekitaran yang bersih dan teratur, mereka dapat menikmati suasana yang lebih selesa dan sihat.

>> Muka 4



## Berita Utama




**SUMBANGAN** derma ringkasan beban persiapan sekolah

Muka 6



**MEMBUDAYAKAN** ketelusan, integriti sebagai amalan hidup

Muka 7



**JAM** tangan pintar corak gaya hidup sihat

Muka 11



**PERSEDIAAN** menyeluruh menyambut sesi persekolahan 2026

Muka 21



# Tanam semangat patriotisme sempena HK Ke-42, Tahun 2026

Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen  
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammadin,  
Wa'alaah Aalihee Wasahbiee Ajma'een.

**A**LHAMDULILLAH terlebih dahulu peramba / kaola / saya bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026, dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah perkenan baginda bagi penubuhan Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026.

Dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya merakamkan setinggi tinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih atas keberangkatan Yang Amat Mulia dan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Yang Mulia Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Yang Mulia Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia pengiran-pengiran, Yang Mulia dato-dato, datin, tuan-tuan dan puan-puan ke Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD

Ke-42, Tahun 2026 pada petang ini. Setinggi-tinggi tahniah turut disembahkan dan dirakamkan atas pelantikan Yang Mulia Timbalan-Pengerusi Bersama dan para ahli dalam menganggotai Jawatankuasa Tertinggi ini.

Alhamdulillah, sekali lagi, Jawatankuasa Tertinggi ini telah diberikan amanah untuk merancang dan seterusnya melaksanakan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Kali Ke-42 bagi Tahun 2026.

Syukur alhamdulillah dengan berkat kesepakatan, berkat kesabaran dan petunjuk dari Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita telah menanai amanah ini dengan prestasi yang amat membanggakan dan berjaya mengadakan Sambutan Ulang Tahun HK Kali Ke-41, Tahun 2025 dengan penuh keceriaan, kemeriahan dan penuh semangat. Pada masa yang sama, ia turut memperlihatkan kesungguhan dan jiwa patriotik rakyat Brunei dalam menzahirkan kasih dan kesetiaan kepada raja dan negara. Kejayaan pelaksanaan Sambutan Ulang Tahun HK pada tahun ini juga merupakan cerminan kekuatan perpaduan rakyat Brunei yang berjiwa setia, bersemangat kental dan tidak pernah mengenal penat lelah.

Kita sebagai rakyat NBD amat bersyukur kerana terus diberi peluang untuk meraikan Sambutan Ulang Tahun HK yang Ke-42. Maka, wajar bagi kita menjadikan sambutan ini sebagai landasan untuk memperdalam dan memperkasa semangat kenegaraan serta memastikan keharmonian, perpaduan dan nilai patriotisme terus subur dalam jiwa masyarakat. Ke hadapan, sambutan

ini harus berperanan sebagai pemacu untuk meningkatkan daya saing ekonomi negara, memperkukuh dan mengembangkan kerjasama melalui pelbagai lapisan masyarakat, serta memantapkan komitmen bersama dalam menjunjung keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan demi masa depan Brunei yang lebih gemilang.

Justeru, bagi memastikan kelancaran Sambutan Ulang Tahun HK Ke-42, usaha mempertingkatkan kemeriahan dan mutu penganjuran perlu diteruskan. Pelantikan Penasihat Bersama, Pengerusi Bersama serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi diharapkan dapat memperkukuh pendekatan senegara dalam perancangan dan persediaan, sekali gus menzahirkan rasa syukur dan kebanggaan rakyat terhadap detik bersejarah negara.

Kita juga mengambil maklum bahawa Sambutan HK Ke-42 pada tahun 2026 akan berlangsung dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Sehubungan itu, pendekatan dan bentuk sambutan perlu disesuaikan agar selaras dengan tuntutan kesederhanaan, penghayatan nilai ketakwaan serta kemuliaan bulan tersebut. Dalam hal ini, penyesuaian sedemikian bukanlah suatu kelainan, memandangkan negara ini pernah melaksanakan sambutan yang sama dalam suasana Ramadan pada tahun-tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, sambutan pada tahun hadapan akan dirangka dengan lebih cermat dan berhemah, dengan memberi penekanan kepada pengisian yang berunsur keagamaan tanpa mengurangi nilai sejarah dan makna besar HK itu sendiri. Walaupun



**MENTERI** Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad berucap pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 pada Khamis, 18 Disember 2025 yang berlangsung di Dewan Digadong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

disambut dalam suasana Ramadan, semangat patriotisme dan cinta akan negara tetap menjadi teras sambutan ini. Aktiviti-aktiviti yang dirancang akan terus menjadi wadah bagi rakyat dan penduduk negara untuk bersama-sama menzahirkan kecintaan kepada raja dan negara.

Inilah matlamat utama mesyuarat pada petang ini.

>> Muka 3

| WAKTU SEMBAHYANG |        |                 |       |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|--------|-----------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| JANUARI<br>MASIH | HARI   | REJAB<br>HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 7                | RABU   | 17              | 4.58  | 5.08  | 6.31   | 6.55 | 12.27 | 3.49 | 6.22    | 7.36  |
| 8                | KHAMIS | 18              | 4.58  | 5.08  | 6.31   | 6.55 | 12.28 | 3.50 | 6.22    | 7.37  |
| 9                | JUMAAT | 19              | 4.59  | 5.09  | 6.32   | 6.56 | 12.28 | 3.50 | 6.23    | 7.37  |
| 10               | SABTU  | 20              | 4.59  | 5.09  | 6.32   | 6.56 | 12.29 | 3.50 | 6.23    | 7.37  |
| 11               | AHAD   | 21              | 5.00  | 5.10  | 6.32   | 6.56 | 12.29 | 3.51 | 6.24    | 7.38  |
| 12               | ISNIN  | 22              | 5.00  | 5.10  | 6.33   | 6.57 | 12.29 | 3.51 | 6.24    | 7.38  |
| 13               | SELASA | 23              | 5.00  | 5.10  | 6.33   | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25    | 7.39  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI |                                                                                     |                |                                                                                     |
|----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| RABU                 |                                                                                     | KHAMIS         |                                                                                     |
| Bandar Seri Begawan  |                                                                                     | JUMAAT         |                                                                                     |
| 30<br>24<br>°C       |  | 31<br>24<br>°C |  |
| Pekan Bangar         |                                                                                     | Pekan Tutong   |                                                                                     |
| 30<br>24<br>°C       |  | 29<br>24<br>°C |  |
| Kuala Belait         |                                                                                     |                |                                                                                     |
| 30<br>23<br>°C       |  | 30<br>23<br>°C |  |
| 30<br>23<br>°C       |  | 29<br>24<br>°C |  |

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 7 JANUARI 2026

### Memperkukuh asas utama keselamatan siber

**D**ALAM mengharungi kehidupan khususnya pada era digital semakin berkembang pesat ini, isu keselamatan siber jelas sekali menjadi semakin kritikal. Ketika kebanyakan urusan harian kini dilakukan secara dalam talian, daripada perbankan hingga komunikasi peribadi, ancaman siber juga meningkat seiring kemajuan teknologi.

Ancaman ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu, tetapi kepada sektor perniagaan dan kerajaan. Kualiti dan integriti data menjadi taruhan utama dalam usaha melindungi maklumat daripada ancaman siber yang berterusan.

Hari ini, ancaman siber datang dalam pelbagai bentuk, termasuk serangan perisian tebusan (*ransomware*), pencerobohan data dan penipuan dalam talian. Serangan pencerobohan data pula membabitkan pencurian maklumat sulit seperti nombor kad kredit, maklumat peribadi dan rekod kesihatan.

Atas faktor ini, kualiti dan integriti data menjadi dua aspek kritikal dalam keselamatan siber. Kualiti data merujuk kepada ketepatan, keutuhan dan kebolehpercayaan maklumat disimpan serta diproses sistem. Integriti data pula memastikan maklumat tidak diubah atau dimanipulasi tanpa kebenaran.

Ketiadaan kualiti dan integriti dalam pengurusan data boleh membawa kepada keputusan yang salah, kerugian kewangan dan kerosakan reputasi. Sebagai contoh, jika data kewangan syarikat diubah secara tidak sah, ia boleh menyebabkan kesalahan dalam laporan kewangan, boleh membawa kepada tindakan undang-undang dan kehilangan kepercayaan pelabur.

Dalam konteks ini, kualiti dan integriti data adalah asas penting kepada keselamatan siber berkesan. Tanpa dua elemen ini, usaha melindungi maklumat sensitif akan terjejas. Oleh itu, untuk memastikan keselamatan siber berkesan, penting untuk memberi penekanan kepada pemeliharaan kualiti dan integriti data. Tanpa integriti, pihak yang sepatutnya melindungi data mungkin menjadi ancaman itu sendiri.

Bagi melindungi data dan sistem daripada ancaman siber, beberapa langkah perlindungan perlu diambil iaitu memberikan pendidikan dan kesedaran kepada pengguna. Pengguna perlu diberi pengetahuan mengenai ancaman siber dan cara melindungi data peribadi. Program pendidikan dan latihan keselamatan siber perlu diperluas supaya peratusan kesedaran kepentingan keselamatan siber dapat ditingkatkan.

Di samping itu, penggunaan perisian keselamatan seperti antivirus dan *firewall* terkini boleh membantu menghalang serangan siber dengan mengesan, menghalang dan menghapuskan ancaman siber seperti virus, malware dan serangan penggodaan. Tindakan 'mencegah lebih baik daripada mengubati' mengingatkan kita penggunaan perisian keselamatan adalah langkah proaktif untuk menghalang serangan siber.

Pengemaskinian sistem secara berkala juga antara langkah penting untuk perlindungan berkesan. Sistem dan perisian tidak dikemas kini cenderung mempunyai kelemahan boleh dieksploitasi penggodaan.

Pada dasarnya, keselamatan siber adalah tanggungjawab kita bersama. Setiap individu dan organisasi perlu memainkan peranan dalam memastikan keselamatan serta integriti maklumat dilindungi. — **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



# TINJAU PELAKSANAAN AKTIVITI 'KEMBALI KE SEKOLAH'

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

>> **Muka 1**

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan berpeluang meninjau pelaksanaan aktiviti 'Kembali ke Sekolah', yang merangkumi penglibatan aktif pelajar-pelajar serta persiapan rapi para guru.

Yang Berhormat dan rombongan turut meninjau beberapa bilik darjah dan beberapa prasarana sekolah seperti Bilik Darjah Prasekolah, Bilik Pendidikan Khas dan Bilik Perpustakaan, serta berpeluang mengadakan interaksi secara langsung dengan para guru dan pelajar termasuk pelajar-pelajar yang baharu memulakan persekolahan di peringkat prasekolah, di samping menyampaikan kata-kata motivasi serta galakan agar mereka terus bersemangat dalam menuntut ilmu

dan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan pembelajaran yang disediakan.

Turut menyertai rombongan Yang Berhormat ialah ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan turut mengadakan lawatan kerja ke sekolah-sekolah kerajaan dan swasta secara berasingan bagi meninjau pelaksanaan sesi persekolahan tahun ini.

Dengan bermulanya sesi persekolahan baharu ini, Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihatkan para ibu bapa dan penjaga untuk memberikan kerjasama dalam memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan agar tidak tercicir dalam pembelajaran, lebih-lebih lagi bagi

yang dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

Mengikut pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 yang telah dilaksanakan pada tahun 2024, kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun adalah wajib bersekolah, khususnya mereka yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam (NBD) dan yang bermastautin di NBD.

Bagi kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun pada 31 Disember adalah diwajibkan mendaftar bagi kemasukan prasekolah bermula awal tahun berikutnya.

Bagi kanak-kanak yang belum berkesempatan untuk didaftarkan, para ibu bapa atau penjaga masih diberi peluang untuk mendaftar di sekolah-sekolah rendah kerajaan mengikut kawasan tadahan masing-masing.

Pada tahun ini, sebanyak 112 buah Sekolah Rendah Kerajaan menawarkan kelas-kelas



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan berpeluang meninjau pelaksanaan aktiviti 'Kembali ke Sekolah' dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai bersama para pelajar (atas dan bawah).

prasekolah.

Seramai lebih kurang 2,907 orang kanak-kanak berumur lima

tahun telah didaftarkan untuk mengikuti pembelajaran di peringkat prasekolah.



## HALUAN

>> **Muka 2**

InsyaaAllah, bagi mencapai objektif demikian, pada petang ini, kita akan sama-sama mendengarkan perancangan Ahli Jawatankuasa Kerja dan seterusnya membincangkan persiapan acara-acara Sambutan Ulang Tahun HK Ke-42, Tahun 2026. Secara keseluruhannya, perbincangan akan memfokuskan kepada laporan *post-mortem* serta cadangan-cadangan pihak Urus Setia terhadap perkara yang memerlukan ketetapan para ahli khususnya mengenai opsyen format upacara kemuncak sambutan, huraian tema dan acara-acara Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026.

Dengan buah fikiran yang holistik dan menyeluruh daripada semua ahli, peramba / kaola / saya amat yakin, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi tahun ini akan dapat menghasilkan persiapan dan tindakan yang mantap demi mencapai matlamat untuk menjayakan Sambutan Ulang Tahun HK Ke-42, Tahun 2026. Sekali lagi, kerjasama dan komitmen semua pihak dalam menjayakan Sambutan Ulang Tahun HK kali ini amatlah disanjung tinggi sebagai satu bangsa yang bersepadu dan bertamadun. Paling utama sekali, pelaksanaan kali ini hendaklah terus berpegang teguh kepada nilai-nilai teras kebruneian yang berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Sebelum meneruskan ke agenda seterusnya, sekali lagi, peramba / kaola / saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih di atas keberangkatan dan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi ke mesyuarat hari ini. Didoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan petunjuk dan rahmat-Nya dalam usaha kita ke arah kelancaran persediaan Sambutan Ulang Tahun HK Ke-42, Tahun 2026. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## KALENDAR 2026

akan diedarkan secara *walk-in* mulai :

**ISNIN** 15 Rejab 1447H  
5 Januari 2026M  
**HINGGA**  
**RABU** 17 Rejab 1447H  
7 Januari 2026M

**JAM : 1.30 PETANG - 3.30 PETANG**

Ibu Pejabat Jabatan Penerangan

Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Daerah Brunei dan Muara



Kalendar juga tersedia dalam bentuk PDF dan boleh didapati dengan mengimbas KOD QR

**Cawangan Penerangan Daerah Tutong,**  
Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan,  
Daerah Tutong

**Cawangan Penerangan Daerah Belait**  
Jalan Lorong Bolkiah, Setia,  
Daerah Belait

**Cawangan Penerangan Daerah Temburong**  
Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan, Bangar,  
Daerah Temburong





# KEMPEN KEBERSIHAN MENINGKATKAN SEMANGAT KEPRIHATINAN

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundangan Kampung Serasa



>> Muka 1

Selain itu, kempen berkenaan juga menggalakkan semangat keprihatinan dalam kalangan penduduk kampung. Ia menunjukkan bahawa masyarakat saling membantu dan menjaga kebajikan antara satu sama lain, yang merupakan nilai penting dalam membina komuniti yang harmoni.

Di samping itu, kempen berkenaan juga meningkatkan kesedaran sosial terutama generasi muda tentang isu-isu kebersihan. Melalui aktiviti berkenaan, masyarakat diharapkan untuk lebih peka terhadap keadaan jiran-jiran

mereka dan memberi sokongan yang diperlukan.

Hubungan dalam komuniti juga dapat diperkuatkan melalui aktiviti gotong-royong berkenaan, dengan Ketua Kampung, penduduk kampung, dan ahli MPK dapat berinteraksi dan membina ikatan yang lebih kukuh.

Selain itu, kempen berkenaan berfungsi sebagai platform untuk mendidik penduduk tentang pentingnya kebersihan dan penjagaan persekitaran, yang seterusnya dapat membantu mencegah penyakit dan meningkatkan kesihatan awam.

Pelaksanaan kempen berkenaan dapat meningkatkan semangat penduduk Kampung Serasa sebagai kampung yang

KEMPEN kebersihan dapat meningkatkan kesedaran sosial terutama generasi muda tentang isu-isu kebersihan, diharapkan masyarakat untuk lebih peka terhadap keadaan jiran-jiran mereka dan memberi sokongan yang diperlukan.

prihatin dan bersatu padu, sebagai contoh kepada setiap individu terutama dalam kalangan penduduk Kampung Serasa untuk memberikan lebih banyak sokongan dan bantuan serta memberikan manfaat yang besar bukan sahaja kepada individu yang terlibat, tetapi juga kepada pengukuhan semangat komuniti dan kesedaran sosial dalam kalangan penduduk kampung.



## Memastikan persekitaran kerja selamat

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



>> Muka 1

Antara objektif taklimat tersebut adalah meningkatkan kesedaran dalam kalangan pegawai dan kakitangan JKR mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, Bab 277 dan penggunaannya pada persekitaran berasaskan pejabat di Kementerian Pembangunan.

Seterusnya, memahami mengenai peranan dan

tanggungjawab di barisan pegawai kanan, pegawai dan kakitangan bagi mengekalkan tempat kerja yang selamat, sihat dan sentiasa dipatuhi; meningkatkan tatacara dan kawalan risiko kepada pegawai dan kakitangan terhadap bahaya di pejabat dan menggunakan asas prinsip pengurusan risiko bagi mengelak daripada kejadian atau jangkitan penyakit.

Menggalakkan budaya

keselamatan yang positif dengan menggalakkan tingkah laku keselamatan yang proaktif, akauntabiliti dan meningkatkan lagi tahap keselamatan, kesihatan dan kebajikan di tempat kerja; dan mengukuhkan komunikasi keselamatan dengan meningkatkan keyakinan pegawai dan kakitangan dalam menyampaikan keperluan keselamatan, laporan terhadap risiko bahaya, dan tindak balas yang responsif terhadap insiden dan kecemasan.

Selain itu jua diharapkan keselamatan di tempat kerja adalah tanggungjawab bersama.

Bukan sahaja di pejabat malah keselamatan terutama yang bekerja di loji dan makmal yang memerlukan pematuhan, kesedaran serta tingkah laku mengenai keselamatan adalah wajar bagi melindungi orang ramai, serta mengekalkan kesinambungan operasi dan memenuhi misi dan visi kementerian serta pematuhan terhadap undang-undang.

SEKITAR Siri Kempen Kesedaran bagi Warga Kerja Jabatan Kerja Raya (JKR) yang berlangsung di Dewan Atria Simpung, Bangunan Ibu Pejabat JKR (kanan dan atas kiri).





# PERKUKUHKAN SEMANGAT PATRIOTISME, SOLIDARITI DALAM KALANGAN PELAJAR

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Dayang Nor'izzah binti Haji Othman, Timbalan Pengetua (Akademik), Timbalan Pengetua (Pentadbiran) serta para tenaga pengajar.



Dalam taklimat tersebut, para penuntut turut menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan kefahaman terhadap isi taklimat yang disampaikan.

SUASANA pada program taklimat berkenaan yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Husain (kanan, bawah kanan dan bawah kiri).

Taklimat berkenaan diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz Kenegaraan kepada para penuntut yang berjaya menjawab soalan kuiz, yang disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Program Taklimat Kenegaraan ini merupakan antara usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat patriotisme, solidariti serta kenegaraan yang tinggi dalam diri para penuntut.

Di samping itu, program ini juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara pada masa hadapan.



## Barigakan maklumat asas mengenai ASEAN

SEBAHAGIAN yang hadir pada Jerayawara Kenali ASEAN di Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (kanan). Manakala gambar bawah, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail semasa menyampaikan taklimat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI telah menganjurkan Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini.

Sehubungan itu, seramai 171



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

penuntut Sanah 8 Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah menghadiri taklimat tersebut bertempat di Auditorium 1, sekolah berkenaan.

Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Turut hadir, Timbalan Pengetua (Akademik) Sekolah, Pengiran Asmady bin Pengiran Haji Aliudin beserta tenaga pengajar. Para penuntut juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan

Pengetua (Akademik).

Penganjuran Jerayawara Kenali ASEAN ini bertujuan untuk membarigakan mengenai ASEAN selain sebagai usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



ANTARA pelajar yang menyertai sesi Kuiz Kenali ASEAN .



# SUMBANGAN DERMA RINGKANKAN BEBAN PERSIAPAN SEKOLAH



**PROJEK** Kembali ke Sekolah adalah merupakan sumbangan daripada para dermawan yang telah memberi amanah kepada Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) untuk membantu klien MKM yang terdiri daripada golongan keluarga yang kurang berkemampuan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 5 Januari. - Keceriaan jelas terpancar pada wajah anak-anak klien Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) apabila dibawa berbelanja untuk membeli keperluan sekolah menerusi Projek Kembali ke Sekolah, baru-baru ini.

Projek yang telah dilaksanakan sejak tahun 2014 itu antara lain bertujuan untuk meringankan

beban klien MKM dalam membuat persiapan persekolahan anak-anak dan seterusnya memberi semangat dan galakkan kepada anak-anak MKM untuk terus memajukan diri dalam pembelajaran mereka, sekali gus mengubah kehidupan keluarga.

Untuk projek kali ini, seramai 45 anak-anak klien MKM di seluruh negara yang berumur antara 5 hingga 19 tahun yang terdiri

daripada pelajar sekolah rendah dan menengah berpeluang menikmati pembelian barangan keperluan persekolahan baharu mereka untuk Sesi Akademik 2026 ini.

Daripada jumlah tersebut, ia tidak termasuk bagi pelajar pendidikan teknik dan pengajian tinggi. Selain barangan persekolahan seperti peralatan tulis, baju seragam sekolah dan

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Kesejahteraan Masyarakat

sebagainya, MKM turut menyediakan yuran pendaftaran persekolahan.

Projek Kembali ke Sekolah ini adalah merupakan sumbangan daripada para dermawan yang telah memberi amanah kepada MKM untuk membantu klien MKM yang terdiri daripada golongan keluarga yang kurang

berkemampuan.

Dengan adanya sumbangan daripada para dermawan yang prihatin terhadap kebajikan golongan ini terutama daripada segi pendidikan, ia sedikit sebanyak akan dapat meringankan perbelanjaan dalam membuat persiapan persekolahan anak-anak mereka.

## Tinjau kemasukan murid STJ PGGMB Lambak



**SEKITAR** tinjauan situasi kemasukan dan pembelajaran sesi tahun 2026 di Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Lambak sesi pagi (kiri dan bawah kanan).

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

pembelajaran sesi tahun 2026 di Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Lambak sesi pagi. Fokus tinjauan ialah murid-murid Kindergarten 1, 2 dan 3 di sekolah berkenaan.

Dalam tinjauan tersebut, Yang Dipertua PGGMB, menzhahirkan rasa puas hati dengan persiapan guru besar dan guru-guru sekolah berkenaan bagi menyediakan fasiliti dan kemudahan sekolah yang baik khususnya suasana bilik kelas yang kondusif dan memuaskan bagi murid-murid, alat-alat pengajaran yang baik, suasana sekolah yang menyenangkan dan sikap pemedulian para guru yang menyenangkan murid-murid dan ibu bapa.

Semasa tinjauan ini, rombongan telah diberikan taklimat ringkas oleh Guru Besar STJ Lambak, Dayang Noridah binti Abdullah, mengenai persediaan dan persiapan bagi menerima kemasukan murid-murid sekolah bagi sesi persekolahan tahun 2026 ini.

**LAMBAK,** Isnin, 5 Januari. - Setiap awal tahun baharu sesi persekolahan bermula merupakan detik yang sangat menggembirakan bagi ibu bapa menghantar anak-anak mereka bersekolah.

Para guru juga sentiasa menunggu kehadiran ibu bapa dan anak-anak mereka datang melapor dan bersekolah dengan penuh dedikasi dan menaruh harapan yang positif menyediakan pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti.

Sehubungan itu, Yang Dipertua Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Awang Haji Mustapa bin Haji Masri dan Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri), PGGMB, Awang Haji Yahya bin Haji Mirasan, hari ini meninjau situasi kemasukan dan



**Selamatkan Usus Awda.**

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)



\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

مكتبرين كصحت  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN  
AWAL DAPAT  
MENYELAMAT  
NYAWA

Selamatkan Usus Awda



# MEMBUDAYAKAN KETELUSAN, INTEGRITI SEBAGAI AMALAN HIDUP

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Selasa, 6 Januari. – Ke arah memastikan setiap perkhidmatan yang cemerlang dan bermutu tinggi juga memuaskan semua orang, setiap pemimpin, penjawat awam baik daripada pihak swasta dan agensi-agensi dalam kerajaan, persatuan, pertubuhan, mahupun pihak persendirian hendaklah memiliki disiplin diri yang tinggi, bersih, cekap dan amanah juga berintegriti.

Integriti merupakan sifat jati diri, merangkumi keikhlasan, amanah, berpegang teguh kepada prinsip, jujur dan bermoral tinggi, bertanggungjawab, saksama, semangat setia kawan, penuh iltizam dan dedikasi dalam melaksanakan tugas.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab adalah perlu memiliki sifat-sifat luhur dalam mengamalkan etika kerja yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

Ketelusan dan integriti merupakan nilai murni yang amat penting dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam pelaksanaan tugas harian. Ketelusan bermaksud bersikap

**INTEGRITI** merupakan sifat jati diri, merangkumi keikhlasan, amanah, berpegang teguh kepada prinsip, jujur dan bermoral tinggi, bertanggungjawab, saksama, semangat setia kawan, penuh iltizam dan dedikasi dalam melaksanakan tugas.

jujur dan terbuka dalam setiap tindakan, manakala integriti pula merujuk kepada sikap amanah, bertanggungjawab serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Nilai-nilai berkenaan menjadi asas kepada pembentukan individu dan masyarakat yang beretika.

Di tempat kerja, ketelusan dan integriti amat penting untuk memastikan tugas dilaksanakan dengan berkesan. Sebagai contoh, juruwang di kedai runcit akan mengira jumlah bayaran dengan teliti dan memulangkan baki wang kepada pelanggan dengan tepat. Sekiranya berlaku kesilapan seperti menerima bayaran berlebihan, juruwang yang berintegriti akan segera memaklumkan perkara berkenaan kepada pelanggan dan memulangkan lebih wang tersebut.

Selain itu, juruwang juga tidak



mengambil barang kedai tanpa membuat bayaran walaupun tiada pengawasan. Sikap jujur dan amanah berkenaan dapat meningkatkan kepercayaan pelanggan serta menjaga nama baik kedai runcit tersebut.

Kesimpulannya, ketelusan dan integriti memainkan peranan penting dalam pelaksanaan tugas harian sama ada di sekolah, tempat kerja mahupun dalam masyarakat. Amalan nilai-nilai berkenaan bukan sahaja membentuk peribadi yang mulia, malah menyumbang kepada kesejahteraan dan kemajuan negara.


Oleh itu, setiap individu perlu menjadikan ketelusan dan integriti sebagai amalan hidup.



## Pembentukan pelajar bertanggungjawab asas lahirkan pemimpin berkualiti

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman



**PELAJAR** yang memahami dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik akan lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan serta menjadi aset yang berharga kepada agama, bangsa dan negara.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Januari. – Tanggungjawab pelajar merupakan asas penting dalam pembentukan generasi berilmu, berdisiplin dan berakhlak mulia yang mampu menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

Dalam era pendidikan yang semakin mencabar dan kompetitif hari ini, para pelajar bukan sahaja dituntut untuk mencapai kecemerlangan akademik tetapi juga perlu memikul amanah besar terhadap diri sendiri, institusi pendidikan, keluarga serta masyarakat secara keseluruhannya.

Sebagai individu yang menuntut ilmu, tanggungjawab utama setiap pelajar adalah memberi komitmen penuh terhadap pembelajaran.

Ini termasuk menghadiri kelas secara konsisten, memberi tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, menyiapkan tugas yang diberikan dalam tempoh yang ditetapkan serta berusaha meningkatkan kefahaman melalui pembacaan dan kajian sendiri.

Sikap sambil lewa terhadap pelajaran akan menjejaskan prestasi akademik serta memberi kesan jangka panjang terhadap masa hadapan pelajar itu sendiri.

Di samping itu, pelajar juga bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan etika yang ditetapkan oleh sekolah atau institusi pendidikan.

Peraturan diwujudkan bukan untuk menyusahkan, sebaliknya bertujuan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan teratur.

Tingkah laku berdisiplin, menghormati guru serta kakitangan sekolah dan menjaga hubungan sesama rakan merupakan nilai penting yang perlu diterapkan sejak di bangku sekolah atau institusi pengajian.

Di samping itu, tanggungjawab pelajar turut merangkumi aspek pembentukan sahsiah dan akhlak.

Para pelajar perlu mengamalkan nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, bertolak ansur dan saling menghormati dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks ini, penggunaan teknologi dan media sosial menuntut sikap bertanggungjawab agar tidak disalahgunakan sehingga menjejaskan imej diri, institusi pendidikan atau keharmonian masyarakat.

Selain fokus kepada diri sendiri, pelajar mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan negara.

Penyertaan dalam aktiviti kokurikulum dan program kesukarelawanan dapat membantu para pelajar membentuk sikap prihatin serta semangat kerjasama.

Melalui penglibatan tersebut, pelajar dapat mengasah kemahiran insaniah dan menyedari peranan mereka sebagai warganegara yang

bertanggungjawab dan peka terhadap isu sekeliling.

Selain itu, keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan pelajar.

Adalah menjadi tanggungjawab para pelajar untuk menghargai pengorbanan ibu bapa atau penjaga dengan berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran, menjaga tingkah laku dan menjauhi gejala negatif.

Tanggungjawab pelajar tidak terhad kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi

meliputi aspek disiplin, sahsiah, sosial dan moral.

Pelajar yang memahami dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik akan lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan serta menjadi aset yang berharga kepada agama, bangsa dan negara.

Pembentukan pelajar yang bertanggungjawab hari ini merupakan pelaburan penting bagi melahirkan pemimpin dan masyarakat yang berkualiti pada masa akan datang.





# NILAI KEPERLUAN ANAK SEBELUM MEMILIH PROGRAM TUISYEN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**TUISYEN** yang berkesan adalah tuisyen yang menyasarkan keperluan khusus anak, bukan sekadar mengikut arus.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Januari. - Apabila tarikh peperiksaan GCE 'O' Level semakin hampir, ramai ibu bapa mula mencari kaedah terbaik untuk menyokong anak-anak mereka. Salah satu pilihan yang kerap dipertimbangkan ialah mendaftarkan anak ke kelas tuisyen sebagai persiapan tambahan, langkah tersebut dilihat sebagai satu pelaburan untuk

meningkatkan keyakinan dan kesediaan para pelajar. Dalam konteks Brunei, kelas tuisyen boleh menawarkan beberapa manfaat praktikal. Ruang pembelajaran yang lebih kecil membolehkan guru memberikan perhatian yang lebih kepada setiap pelajar, terutamanya dalam subjek - subjek yang dirasakan lebih mencabar. Ia juga memberikan peluang

untuk mengulang kaji sukatan pelajaran (*syllabus*) dengan lebih teratur, berlatih menjawab soalan peperiksaan tahun-tahun lepas, dan menguasai teknik pengurusan masa yang baik semasa dalam dewan peperiksaan.

Bagi sesetengah pelajar, tuisyen berfungsi sebagai pemangkin untuk lebih fokus dan berdisiplin dalam mengulang kaji mata pelajaran yang dianggap susah, sekali gus dapat membantu pelajar meningkatkan pengetahuan.

Walau bagaimanapun, ibu bapa perlu bijak memilih sekolah tuisyen yang mempunyai prestasi pendidikan yang terbaik dan mampu melahirkan pelajar yang cemerlang.

Tuisyen yang berkesan adalah tuisyen yang menyasarkan keperluan khusus anak, bukan sekadar mengikut arus.

Adalah penting untuk berkomunikasi dengan anak dan guru sekolah bagi mengenal pasti kelemahan sebenar sebelum memilih program tuisyen.

Elakkan daripada membebaskan jadual harian anak sehingga menyebabkan tekanan atau keletihan yang melampau, yang akhirnya boleh menjejaskan prestasi keseluruhan.

Perlu diingat, tuisyen seharusnya berperanan sebagai sokongan tambahan, bukan

pengganti kepada pembelajaran asas di sekolah atau tanggungjawab pelajar sendiri.

Kejayaan akhirnya bergantung pada gabungan usaha sendiri, galakan berterusan daripada ahli

keluarga, dan keseimbangan hidup yang sihat.

Persiapan yang rapi, disertai dengan keyakinan diri dan sokongan keluarga, adalah kunci ke arah kecemerlangan.

**TAHUKAH AWDA?**

**CARA MUDAH UNTUK MEMILIKI SOLAR**

Ingin beralih kepada tenaga solar? Langkah pertama yang **mudah** dan **berpatutan** ialah dengan menerokai alternatif lampu solar untuk rumah awda. Produk ini kini tersedia secara meluas di dalam negara, termasuk:



LAMPU BANJIR SOLAR



LAMPU TAMAN SOLAR



LAMPU TIANG SOLAR



LAMPU KECEMAS MUDAH ALIH SOLAR

**TAHUKAH AWDA?**

Sel solar menukar cahaya matahari kepada tenaga elektrik pada waktu siang, yang disimpan di dalam bateri untuk menerangi kawasan luar rumah awda pada waktu malam!

[www.energy.gov.bn](http://www.energy.gov.bn) | [renewable.energy@energy.gov.bn](mailto:renewable.energy@energy.gov.bn) | +673 2584488 ext 3271



## MINDA PEMBACA

### Memerangi rasuah dari akar umbi

**RASUAH** merupakan ancaman serius yang mampu menggugat kestabilan, keharmonian dan kepercayaan rakyat terhadap sesebuah negara jika tidak dibendung sejak awal. Amalan berkenaan bukan sahaja melibatkan penyalahgunaan kuasa, malah juga mencerminkan kemerosotan nilai moral dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, usaha untuk memerangi rasuah perlu dimulakan daripada akar umbi agar gejala berkenaan tidak berakar menjadi budaya yang merosakkan masyarakat dan juga negara.

Pembentukan masyarakat yang

berintegriti harus bermula melalui pendidikan yang berterusan dan menyeluruh. Di peringkat sekolah, murid-murid perlu didedahkan kepada nilai kejujuran, amanah dan tanggungjawab sebagai asas pembentukan sahsiah.

Pendidikan berkenaan wajar diperkukuh dengan contoh teladan yang baik di rumah, kerana peranan ibu bapa juga amat penting dalam membentuk sikap dan pemikiran anak-anak melalui amalan hidup beretika serta bertanggungjawab.

Selain itu, kesan rasuah terhadap pembangunan negara amat besar, khususnya dalam aspek ekonomi dan

pentadbiran. Rasuah boleh mengakibatkan pembaziran sumber, ketirisan kewangan dan pelaksanaan projek yang tidak berkualiti.

Keadaan berkenaan seterusnya boleh menjejaskan keyakinan pelabur serta melambatkan kemajuan negara, sekali gus memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Di samping itu, masyarakat juga perlu memahami perbezaan jelas antara rasuah dan pemberian hadiah. Rasuah melibatkan niat mendapatkan balasan atau keistimewaan tertentu, manakala hadiah yang ikhlas tidak disertai kepentingan peribadi.

Kefahaman berkenaan begitu

penting bagi mengelakkan budaya memberi dijadikan alasan untuk menghalalkan perbuatan rasuah.

Kesimpulannya, memerangi rasuah daripada akar umbi memerlukan kesedaran, pengetahuan, ketegasan serta kerjasama semua pihak demi menjamin masa depan negara yang bersih dan berintegriti.

Nama : Abdul Muhaimin bin Ahmad  
No. K/P : 01-186XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 7 Januari 2026
2. 'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026
3. 'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# PUKUP AMALAN MENABUNG SEJAK DARI KECIL

**MENTIRI**, Selasa, 6 Januari. - Amalan budaya menabung atau tabiat berbelanja berhemat hendaklah diterapkan daripada peringkat awal lagi dalam kalangan generasi muda. Sudah menjadi tanggungjawab terutama sekali bagi ketua keluarga untuk mempersiapkan dana simpanan untuk keperluan diri dan keluarga pada masa hadapan.

Ini dapat membantu kita apabila menghadapi situasi kecemasan atau keperluan yang mendesak, seperti perbelanjaan bagi masalah kesihatan, tanpa perlu memintaminta bantuan daripada orang lain ataupun berhutang.

Sesungguhnya, para ibu bapa memainkan peranan penting untuk memupuk sikap suka menabung kepada anak-anak sejak daripada kecil lagi, bak kata pepatah 'Meluntur Buluh Biarlah Dari Rebungnya'.

Ibu bapa harus menjadi contoh yang baik dalam mengamalkan perbelanjaan yang berhemat dan sikap suka menabung. Anak-anak harus dididik mempunyai tabungan sendiri di rumah atau mempunyai akaun simpanan di bank untuk menyimpan wang lebihan perbelanjaan sekolah mereka.

Institusi perbankan dan kewangan juga haruslah memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk memupuk kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai manfaat dan kelebihan menabung serta melabur.

Kita hendaklah memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi-institusi perbankan dan kewangan yang berlesen di negara ini sebagai saluran untuk menyimpan dan melabur wang dengan lebih selamat dan terjamin.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad



**MEMANDANGKAN** dalam keadaan ekonomi sekarang, janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan atau boros sehingga membazir seperti kata pepatah Melayu, 'Ingat Sebelum Kena, Jimat Sebelum Habis'. Sebaiknya, rancang terlebih dahulu barang yang ingin dibeli supaya tidak membazir wang.

Sama-samalah kita beringat agar tidak mudah terpengaruh dengan skim-skim pelaburan tidak berlesen yang memberikan pulangan yang menarik dalam masa yang singkat kerana pelaburan seumpama berkenaan boleh mendatangkan kerugian.

Memandangkan dalam keadaan ekonomi sekarang, janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan atau boros sehingga membazir seperti kata pepatah Melayu, 'Ingat Sebelum Kena, Jimat Sebelum Habis'. Sebaiknya, rancang terlebih dahulu barang yang ingin dibeli supaya tidak membazir wang.

Keutamaan berbelanja perlulah diberikan kepada barang-barang yang diperlukan sahaja. Kita harus ingat bahawa harta yang dimiliki sebenarnya adalah hak milik Allah Subhanahu Wata'ala, kita hanya sebagai penerima amanah yang pasti akan ditanya dari mana harta yang kita perolehi dan ke mana kita membelanjakan harta berkenaan.

Kita perlu sentiasa beringat bahawa membazir adalah salah satu amalan syaitan dan kita hendaklah menjauhkan diri daripada sikap berkenaan. Di sinilah pentingnya membuat keputusan pembelian yang didasari

## Peluang sertai Kempen Derma Darah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Januari. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah. Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Selasa, 6 Januari 2026 di Lobi Tingkat Bawah, OneCity Shopping Complex, Jalan Utama Salambigar bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Manakala Rabu, 7 Januari 2026 bertempat di Tingkat Bawah, Freshco Batu Satu, Plaza Abdul Razak bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang. Sementara pada Khamis, 8 Januari 2026 di Blok B22, Simpang 32-37, Anggerek Desa Technology Park anjuran Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan pukul 1.00 petang hingga 3.30 petang.

Pada Sabtu, 10 Januari 2026 bertempat di Tingkat Satu, OneCity Shopping Complex, Jalan Utama Salambigar anjuran Boeffi International (B) Sdn. Bhd. bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan pukul 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN                                                                       | TEMPAT                                                                                                          |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Selasa<br>06 Januari 2026<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang                                      | Lobi Tingkat Bawah,<br>Onecity Shopping Complex,<br>Jalan Utama Salambigar                                      |
| Rabu<br>07 Januari 2026<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang                                        | Tingkat Bawah, Freshco Batu Satu,<br>Plaza Abdul Razak                                                          |
| Khamis<br>08 Januari 2026<br>09.00 pagi hingga 11.30 petang &<br>1.00 petang hingga 3.30 petang | Blok B22, Spg 32-37,<br>Anggerek Desa Technology Park,<br>Anjuran Brunei Darussalam Food Authority (BDFA)       |
| Sabtu<br>10 Januari 2026<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang                                       | Tingkat Satu, Onecity Shopping Complex,<br>Jalan Utama Salambigar,<br>Anjuran Boeffi International (B) Sdn Bhd. |

pendapatan dan kemampuan.

Hakikatnya, bijak berbelanja dan berbelanja secara berhemat dapat

membentuk kita untuk menjadi pengguna yang bijak, berekonomi, beretika dan berkeperibadian



سوروهنجاي قرحدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

### PERINGATAN PENTING

1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.



1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**  
([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))

100%

2 **Lengkapkan Kelulusan**  
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

A+

3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**  
\*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan



4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"



5 **Lengkapkan Maklumat**  
(kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial  
PSC.BN



## Tidak Menyedari Terdapat Najis Pada Badan, Pakaian atau Tempat Sembahyang

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**S**UCI daripada najis pada badan, pakaian dan tempat sembahyang adalah salah satu syarat sah sembahyang berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

**Tafsirnya** : Dan bersihkanlah pakaianmu.

(Surah al-Muddatstsr : 4)

Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *l'annah ath-Thalibin*, ayat di atas menunjukkan bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan supaya membersihkan pakaian daripada najis dan termasuk membersihkan badan daripada najis berdasarkan *qiyas* kepada ayat tersebut.

Namun dalam sesetengah keadaan, timbul persoalan apabila berhadapan situasi tertentu seperti tidak menyedari terdapat najis pada pakaian atau tempat sembahyang. Jika berlaku situasi seperti ini, apakah kedudukan sembahyang yang dikerjakan itu dan adakah perlu diulang sembahyang tersebut?

Najis dari segi syara' bermaksud sesuatu kotoran yang menghalang daripada sah sembahyang ketika tidak ada *rukhsah* (kelonggaran) yang mengharuskannya. Sembahyang dalam keadaan menanggung najis tidak sah jika tidak ada padanya kelonggaran yang disyariatkan dan sebaliknya sah jika ada padanya kelonggaran yang disyariatkan seperti sembahyang orang yang melakukan *istinja'* dengan batu, maka hukum sembahyangnya sah kerana ia dimaafkan walaupun kesan *istinja'* itu dihukumkan najis.

Antara najis yang dimaafkan itu lagi ialah percikan air kencing yang sedikit, yang tidak dapat dilihat oleh pandangan mata yang normal sama ada ia terkena pada badan, pakaian atau tempat. Demikian juga, darah atau nanah dari badan sendiri misalnya yang datang dari bisul atau jerawat yang ada di badan sendiri walaupun banyak darahnya jika tidak melebihi dari tempat yang biasa ia mengalir, selagi ia bukan

berpunca dari perbuatannya sendiri. Jika ia berpunca dari perbuatannya sendiri seperti bisul itu dipicit sehingga mengeluarkan darah yang banyak, maka darah tersebut tidak dimaafkan. Namun jika darah yang keluar itu hanya sedikit, ia tetap dimaafkan sekalipun atas sebab perbuatannya sendiri. Walau bagaimanapun, jika darah atau nanah tersebut terpisah dari badannya kemudian terkena semula pada pakaiannya, maka ia tidak dimaafkan melainkan darah atau nanah itu sedikit.

Maka jika seseorang itu mendapati najis yang dimaafkan pada badan, pakaian atau tempat sembahyang sebelum menunaikan sembahyang atau mendapatinya ketika selesai menunaikan sembahyang, maka sembahyang seseorang itu tetap sah.

Adapun sembahyang dalam keadaan badan, pakaian atau tempat terkena najis yang tidak dimaafkan, seperti darah atau air kencing yang banyak adalah tidak sah walaupun orang itu tidak mengetahui adanya najis tersebut atau dia tidak tahu najis itu membatalkan sembahyangnya sebagaimana penjelasan dalam kitab *Mughni al-Muhtaj*, asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* menyebut :

**Erinya** : Dan yang kelima (syarat sah sembahyang ialah) suci daripada najis yang tidak dimaafkan pada pakaian dan badan iaitu pakaiannya dan badannya sekalipun yang terdapat di dalam hidungnya atau mulutnya atau matanya atau telinganya dan pada tempat iaitu tempatnya bersembahyang, maka tidak sah sembahyangnya dengan (wujudnya) sesuatu daripada yang demikian itu (najis yang tidak dimaafkan), walaupun dia tidak mengetahui kewujudannya (najis) atau (tidak mengetahui) ia (najis itu) membatalkan (sembahyang).

Oleh itu, wajib seseorang itu mengulang kembali sembahyangnya sekiranya masih ada kesempatan iaitu waktu sembahyang belum luput. Namun jika waktu sembahyang telah luput dan dia baru menyedari bahawa najis tersebut melekat pada badan, pakaian atau tempat sembahyang, maka dalam keadaan ini wajib ke atasnya mengqadha' sembahyangnya.

Demikian juga orang yang mengetahui

ada padanya najis sebelum dia mengerjakan sembahyang, kemudian dia lupa bahawa pada dirinya ada najis. Lalu dia mengerjakan sembahyang dalam keadaan bernajis itu. Setelah beberapa ketika dia pun teringat bahawa dia mengerjakan sembahyang dalam keadaannya yang bernajis. Maka dalam hal ini, tidak sah sembahyangnya itu dan wajib ke atasnya mengulang sembahyang tersebut. Ketetapan tersebut jelas dinyatakan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab *Raudhah ath-Thalibin* :

**Erinya** : Jika dia sembahyang dan pada pakaian, badan atau tempat sembahyangnya ada najis yang tidak dimaafkan, dan dia tidak menyedari (kewujudan najis), maka jika dia (tidak menyedari itu kerana) tidak mengetahuinya (kewujudan najis tersebut), wajib diulangi (sembahyang) menurut pendapat al-azhar, dan jika dia mengetahuinya (kewujudan najis) kemudian dia lupa, wajib (diulangi sembahyangnya) secara qath'i (putus).

Walaupun bagaimanapun, jika seseorang itu mengetahui adanya najis sebelum memulakan sembahyang, kemudian dia lupa dan mengerjakan sembahyang dalam keadaan bernajis, lalu meninggal dunia, maka dalam hal ini, diharapkan keampunan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana yang difatwakan oleh Imam al-Baghawi, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengangkat kesalahan dan kelupaan daripadanya.

Jika seseorang itu tidak yakin atau ragu sama ada terdapat najis padanya ketika atau setelah selesai mengerjakan sembahyang, maka menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *l'annah ath-Thalibin*, katanya :

**Erinya** : Jika dia sembahyang dengan najis yang dia tidak mengetahuinya atau mengetahuinya dan dia lupa kemudian dia ingat kembali, setiap sembahyang yang yakin dilakukannya dengan (menanggung) najis tersebut wajib diulang. Berbeza (halnya dengan keadaan) yang boleh jadi berlakunya (terkena najis itu) selepasnya (mengerjakan sembahyang).

Nash di atas jelas menunjukkan bahawa jika dalam situasi yakin, sembahyang yang dikerjakan dalam keadaan bernajis wajib diulang dan sebaliknya najis yang diragui kewujudannya sama ada najis tersebut terkena pada seseorang itu ketika atau setelah selesai sembahyang, maka sembahyangnya adalah sah. Namun begitu, sunat mengulangi sembahyang tersebut bagi mengambil langkah berjaga-jaga kerana ditakuti sembahyang yang telah dikerjakan itu mungkin sahaja batal sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab *al-Majmu'* Syahr al-Muhadzdzab :

**Erinya** : Apabila dia memberi salam (selesai) daripada sembahyangnya, kemudian dia nampak najis padanya, (kejadian ini) boleh sahaja berlaku ketika dia sembahyang dan boleh juga berlaku setelah selesainya (sembahyang), maka



**IRSYAD HUKUM**

جَانِبُ مَفِي كَرِجَانِ  
جَانِبُ مَفِي كَرِجَانِ

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
E-mail : [fatwa@mufti.gov.bn](mailto:fatwa@mufti.gov.bn) - [info@mufti.gov.bn](mailto:info@mufti.gov.bn)

sembahyangnya adalah sah tanpa ada khilaf. (Imam) asy-Syafi'i dan al-Ashhab berpendapat: Sunat mengulangnya sebagai mengambil langkah berjaga-jaga.

Adapun seorang mukalaf yang ternampak najis pada pakaian orang yang hendak mengerjakan sembahyang, jika diketahui bahawa najis yang ada pada orang itu membatalkan sembahyang menurut pandangan mazhab orang yang bersembahyang itu, maka seorang mukalaf yang ternampak najis itu wajib memaklumpkannya. Orang yang mengerjakan sembahyang itu, wajib menerima perkhabaran atau teguran daripada orang yang adil mengenai adanya najis pada dirinya itu. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitab *Tuhfat al-Muhtaj* menyebut :

**Erinya** : Dan sekiranya seseorang melihat orang yang hendak mengerjakan sembahyang dan pada pakaian orang itu terdapat najis yang tidak dimaafkan, maka wajib baginya (orang yang melihat itu) memberitahunya.

Perkara ini juga termasuk menegur atau memberitahu orang yang sedang mengerjakan sembahyang jika sekiranya mendapati terdapat najis pada pakaiannya sebagaimana menurut Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* ketika mensyarahkan nash di atas.

Berdasarkan penjelasan di atas, sembahyang yang dikerjakan dalam keadaan terdapat najis yang tidak dimaafkan pada badan, pakaian atau tempat sembahyang adalah batal dan tidak sah serta wajib diulang, sama ada seseorang itu jahil tentang hukum mengenainya, menyedarinya di pertengahan sembahyang atau setelah selesai sembahyang atau lupa mengenainya. Walau bagaimanapun, jika diragui najis yang terdapat pada badan, pakaian atau tempat sembahyang itu sama ada ketika sembahyang atau setelah selesai sembahyang, sembahyang yang dikerjakan itu tidak dihukumkan batal dan tidak wajib diulang akan tetapi mengulangnya adalah sunat.

منوجو كريضاءن الله  
MENUJU KEREDAAAN ALLAH  
كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

**Z**IKIR ialah mengingati dan menyebut nama Allah *Subhanahu Wata'ala* yang sangat dianjurkan dalam Islam. Amalan ini bukan sahaja mendekatkan diri kepada Allah, malah memberi ketenangan hati, membersihkan jiwa, dan memperkuat keimanan seorang Muslim. Zikir boleh dilakukan dengan lisan, hati, atau melalui perbuatan yang patuh kepada perintah Allah *Subhanahu Wata'ala*. Dengan membiasakan zikir dalam kehidupan seharian, seseorang akan lebih sedar akan kebesaran *Subhanahu Wata'ala*, mensyukuri nikmat-Nya, serta menghadapi

## Zikir : Amalan yang paling mulia

ujian hidup dengan sabar dan tenang. Selain itu, zikir menghidupkan hati yang hampir mati dan memperbaiki akhlak, adalah wajar dijadikan amalan harian dengan istiqamah bagi setiap Muslim, kerana ia merupakan sumber kekuatan rohani, kebahagiaan hati, dan jalan menuju keredaan Allah di dunia dan akhirat.

**Dalil-dalil berzikir dalam Al-Quran**

"Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku

(dengan berbuat derhaka dan maksiat)".

Surah Al-Baqarah, ayat 152

Zikir mendatangkan keampunan dan ganjaran yang besar.

"... dan lelaki-lelaki serta perempuan-perempuan yang banyak berzikir mengingat Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar".

Surah Al-Ahzab, ayat 35

Zikir memberi ketenangan hati dan jiwa. "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".

Surah Ar-Ra'd, ayat 28

Sangat digalakkan memperbanyakkan pada setiap masa.

"Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingat Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang".

Surah al-Ahzaab : 41-42

Dengan amalan zikir akan banyak kelebihan yang dapat dirasakan dalam kehidupan seharian. Dari ketenangan hati hingga mendapatkan pertolongan dan ampunan dari Allah *Subhanahu Wata'ala*, berzikir seharusnya menjadi amalan yang utama untuk meningkatkan spiritual kita. Mari kita biasakan amalan zikir dalam kehidupan sehari-hari untuk meraih manfaat yang besar ini.



# JAM TANGAN PINTAR CORAK GAYA HIDUP SIHAT

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Januari. - Dalam beberapa tahun kebelakangan ini ada beberapa jam tangan pintar telah mengubah daripada sekadar aksesori fesyen kepada alat pengurusan kesihatan yang berkesan.

Dengan adanya jam tangan pintar pada masa sekarang ia sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian di seluruh dunia.

Jam tangan pintar ini dilengkapi dengan teknologi moden yang boleh dihubungkan dengan telefon pintar, sekali gus menawarkan pelbagai manfaat dari aspek keselamatan serta pemantauan kesihatan pengguna.

Bagi mereka yang amat peka tentang tahap kesihatan yang memerlukan pantauan rapi, jam tangan pintar amat sesuai digunakan untuk mengukur suhu, kadar oksigen dalam darah,

tekanan darah serta kadar degupan jantung.

Bagi individu yang giat melibatkan diri dalam aktiviti sukan, jam tangan pintar berperanan sebagai alat pemantauan yang berupaya mengukur jarak larian, jumlah kalori yang dibakar serta tahap kecergasan fizikal seseorang.

Di samping itu, terdapat juga beberapa jenis jam tangan pintar yang ditawarkan pada harga berpatutan dan sesuai dimiliki oleh golongan yang aktif bersenam.

Bagi memperoleh bacaan denyutan jantung yang lebih tepat, pengguna disarankan untuk menggunakan sensor pemantau denyutan jantung. Peranti ini turut digunakan secara meluas di institusi perubatan, khususnya hospital, bagi membantu mengenal pasti serta memantau masalah kesihatan yang dialami oleh

pesakit.

Setakat ini, penggunaan jam tangan pintar telah memberikan impak yang sangat positif kerana peranti ini dilengkapi fungsi senaman yang mampu memupuk serta mempromosikan amalan gaya hidup sihat.

Pemantauan kadar denyutan jantung semasa bersenam amat penting kerana kadar denyutan jantung purata yang berada dalam zon *cardioprotective* menandakan aktiviti senaman tersebut berkualiti dan berkesan.

**JAM** tangan pintar berperanan sebagai alat pemantauan yang berupaya mengukur jarak larian, jumlah kalori yang dibakar serta tahap kecergasan fizikal seseorang.



## Selera KAMPUNG Kitani

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

### Puding Longan Kampung Batu Apoi

**BAHAN-BAHANNYA :**

**Lapis Pertama :**  
10g serbuk agar-agar  
1,000ml air  
1 tin buah longan  
50g gula pasir (ikut tahap kemanisan masing-masing)

**Lapis Kedua :**  
10g serbuk agar-agar

1,000ml air  
1 tin susu cair  
100g susu manis  
1/2 sb sirap ros (boleh tambah pewarna)

**CARA-CARA MEMASAK :**  
Buah longan dicarik-carik. Kemudian, susun di dalam acuan masukkan air, serbuk agar-agar dan gula ke belanga

dan masak sampai mendidih. Tuang adunan ke dalam acuan longan dan sejukkan untuk lapisan pertama. Untuk lapisan kedua. Masukkan air, serbuk agar-agar, susu cair, susu manis dan sirap ros ke dalam belanga. Masak sehingga mendidih dan tuangkan ke dalam acuan lapisan pertama dan sejukkan.



# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.



# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء )

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.





**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**

JKP / SH / 2025 – 2026 / 59  
Event Management Services For  
Networking Session Between  
Brunei Darussalam And Asita,  
Riau (Indonesia) Travel Agents,  
January / February 2026

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**

JKP / SH / 2025 – 2026 / 60  
Event Management Services For  
Networking Session Between  
Brunei Darussalam And  
Educational Travel Agents  
(China), January / February 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Khamis,  
15 Januari 2026,  
Jam 2.00 Petang



**1. Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2025 – 2026 / 64

**Tajuk Tawaran:**  
Construction, Furnishing  
And Dismantling Of  
Brunei Darussalam Pavillion And  
Other Logistics At Natas Travel  
2026 (The Fair),  
27 – 29 March 2026,  
Singapore

**2. Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2025 – 2026 / 65

**Tajuk Tawaran:**  
Event Management Services &  
Other Logistics At Arabian Travel  
Market 2026, 4 – 7 May 2026,  
Dubai, UAE

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Khamis,  
22 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**

JKP / SH / 2025-2026 / 61  
Provision Of Launch Activation  
Mechanism, Multimedia  
Narrative And Technical Support  
For Tourist Guide Manual  
Launching Ceremony

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**

JKP / SH / 2025-2026 / 62  
Provision Of Design, Production  
And Supply Of Award  
Trophies For Brunei Tourism  
Industry Award & Appreciation  
Night 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Khamis,  
8 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**

JKP / SH / 2025-2026 / 63  
Pembekalan Hadiah  
Cenderamata Bagi  
Brunei Tourism Industry  
Awards And Appreciation  
Night 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Khamis,  
8 Januari 2026  
2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

**Pemberitahuan Tawaran**

Tawaran Perkhidmatan Kantin  
Bagi Sekolah Arab Dan Sekolah-  
Sekolah Ugama Bagi Tempoh Tiga  
(03) Tahun Jabatan Pengajian  
Islam, Kementerian Hal Ehwal  
Ugama

**Daerah Brunei Dan Muara**

**Bilangan Tawaran Dan Nama  
Sekolah:**

KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06  
Sekolah Ugama Begawan Pehin  
Udana Khatib Haji Awang Umar,  
Kampung Setia, Kawasan Brunei I

**Bilangan Tawaran Dan Nama  
Sekolah:**

KHEU / JPI / KANTIN / 30 / 06  
Sekolah Ugama Panchor Murai,  
Kawasan Brunei IV

**Daerah Belait**

**Bilangan Tawaran Dan Nama  
Sekolah Arab:**

KHEU / JPI / KANTIN / 07 / 06  
Sekolah Arab Belait, Belait

**Daerah Tutong**

**Bilangan Tawaran Dan Nama  
Sekolah:**

KHEU / JPI / KANTIN / 34 / 06  
Sekolah Ugama Lamunin, Tutong II

**Daerah Temburong**

**Bilangan Tawaran Dan Nama  
Sekolah:**

KHEU / JPI / KANTIN / 42 / 06  
Sekolah Ugama Bokok, Temburong

**Tarikh Tutup Tawaran :**

Rabu,  
24 Rejab 1447H / 14 Januari 2026M  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN  
HAL EHWA DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
BBS / BPAP / TI / 2026-1

**Keterangan Projek:**  
Penyewaan Ruang-Ruang  
Perniagaan Bangunan Kerajaan  
Di Bawah Kawalan Jabatan  
Bandaran Kuala Belait dan Seria  
- Gerai Makan Taman Persiaran  
Kuala Belait

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 20 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN DAN  
AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga**

Sebut harga hendaklah  
dimasukkan ke dalam Peti Sebut  
Harga dan dialamatkan kepada  
Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian  
dan Agrimakanan, Jalan  
Muhibbah, Lapangan Terbang  
Lama, Berakas BB3510 Bandar  
Seri Begawan, Negara Brunei  
Darussalam.

**Tidak lewat dari  
jam 2.00 petang pada  
Khamis,  
5 Februari 2026.**

**Borang Sebut Harga:**  
BND7.00

**1. JPt / SH / 109 / 2025 - 2026**  
Term Contract For  
Air-Conditioning System  
Maintenance And Other Required  
Works At Zone 'E' Temburong  
District, Jabatan Pertanian Dan  
Agrimakanan For The Period Of  
Twelve (12) Months

**2. JPt / SH / 110 / 2025 - 2026**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan  
Kawasan Di Empangan Imang  
Kg Panchor Murai,  
Daerah Brunei Muara Bagi  
Tempoh Dua (2) Tahun

**3. JPt / SH / 111 / 2025 - 2026**  
Kerja-Kerja Membersih Longkang  
Tanah Di KPLB Pengkalan Batu  
(Simpang 1011)



**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Tawaran-tawaran  
adalah dipelawa dari  
Pemborong - Pemborong yang  
berdaftar di Kementerian  
Pembangunan dalam  
**Kelas IV sahaja dan  
Kategori Kerja KA01,  
B01 dan E01 bagi:**

**Nama Projek:**

Rectification Works  
To 20 Units Transit Terrace Units  
At Jalan 83,  
RPN Kg Lambak Kanan,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bil. Projek:**

JKP / 07 / 2025

Tender Information Pack  
boleh dipohonkan dan  
didapati dengan menghantar



**e-mel kepada**

**tender.jkp@hdd.gov.bn.**

**Tarikh Buka Tawaran:**

Rabu,  
31 Disember 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Selasa,  
20 Januari 2026  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang

**Tempat Tutup:**

Lembaga Tawaran Kecil,  
Tingkat Bawah,  
Kementerian Pembangunan,  
Jalan Lapangan Terbang Lama  
Berakas,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**Yuran Tawaran:**

BND100.00  
[Tidak dikembalikan]

**Yuran E-Dokumen:**

BND5.00  
[Tidak dikembalikan]  
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]

**Sebut Harga / Tawaran  
Bagi Perbekalan  
Jabatan Tanah,  
Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Dan  
Tajuk Tawaran:**  
15 / 2025-2026

Tawaran Kerja-Kerja Pemasangan  
Lampu Cucul Di Sekeliling  
Bangunan Jabatan Tanah,  
Jabatan Ukur Dan Jabatan  
Perancang Bandar Dan Desa

**Bilangan Dan  
Tajuk Tawaran:**  
16 / 2025-2026

Tawaran Kerja Perkhidmatan  
Pengangkutan Sampah  
Di Jabatan Tanah,  
Kementerian Pembangunan Bagi  
Tempoh Tiga (3) Tahun

**Tarikh Tutup:**

Selasa,  
13 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang







**UNIVERSITI  
ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**1. UNISSA / SB0055 / 2025 / 2026**

Mencetak dan Membekal Tiga (03) Buah Buku Jurnal Terbitan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press

**2. UNISSA / SB0056 / 2025 / 2026**

To Supply And Delivery Lab Equipment (Rotary Evaporator) For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Research Grant Titled "The Investigation Of Citrus Hystix Leaves Extract For Amylase Inhibitor Activity And Antimicrobial Activity Against Antimicrobial Resistance Pathogens (AMR)"

**Tarikh Tutup:**

Rabu, 21 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang



**UNISSA / SB0054 / 2025 / 2026**

Fabrication, Supply And Install Logistic Requirement For Higher Education (HE) Expo 2026 For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) At Bridex Hall, Jerudong – [MOD Class: 2 & Above]

**Tarikh Tutup:**

Rabu, 21 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Di Negara Brunei  
Darussalam

**Kelas:**  
II, III & IV

**Kategori:**  
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**  
15 Disember 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen  
Tawaran:**  
Selasa,  
30 Disember 2025

**Tarikh Tutup Pada:**  
Selasa,  
13 Januari 2026 (Selasa)  
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / TEMB / T029 / 2025**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap dan Penyelenggaraan Luar Bagi Pekan Bangar dan Kawasan Berdekatan Daerah Temburong Bagi Tempoh Dua (02) Tahun.

**No. Projek:**  
JASTRE / TEMB / T029 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Non-Refundable)



**JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan  
Tajuk Tawaran / Sebut Harga:**  
(161) INFO / PK / K / 7  
(2025-2026)  
Membekalkan Album Gambar

**Yuran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
8 Januari 2026,  
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN KAJIUCUA  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga bagi  
Perkhidmatan / Pembekalan:**

**Bilangan dan  
Tajuk Sebut Harga:**  
JKBD / 2025 / SH-26  
Refurbishment Works  
For Toilets At  
Brunei Darussalam Meteorological  
Department Headquarter Building

**Hari / Tarikh / Waktu Tutup:**  
Rabu,  
21 Januari 2026  
sebelum jam 9.00 Pagi

**Kepada;**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Kajiucua  
Brunei Darussalam  
Tingkat 1, Blok B23,  
Flat Anggerek Desa,  
Simpang 32-37,  
Kampung Anggerek Desa,  
Mukim Berakas,  
BB3713  
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Bilangan  
Dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU /  
TA / BOL / 002  
[JPPK / LTN / 10 / 2024]

Five (5) Years Term Contract  
For The Facilities Management  
And Maintenance Of Bolkiah  
Garrison And Associated  
Facilities, Royal Brunei Armed  
Forces, Ministry Of Defence,  
Brunei Darussalam

**Tarikh Mula Tawaran:**  
29 Disember 2025

**Kelas:**  
V dan ke Atas

**Kategori:**  
KA01 dan B01

**Tempoh  
Penyiapan Kerja:**  
Lima (5) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND1,005.00  
(Yuran tawaran = BND1,000.00 +  
Yuran e-dokumen = BND5.00)  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen  
(MINDEF SOR 2019)  
(Tidak Dikembalikan):**  
BND500.00 satu set (dalam  
bentuk CD)\*

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah pada  
**Selasa, 27 Januari 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
24 Februari 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**\*Makluman**  
Untuk dipertimbangkan  
dalam tawaran ini,  
setiap penender dimestikan  
untuk membeli  
'MINDEF SOR 2019 Edition'  
atas nama syarikat mereka sendiri.  
Jika pernah membeli 'MINDEF  
SOR 2019 Edition' sebelum ini,  
penender hendaklah  
menghadapkan salinan resit  
pembayaran terdahulu.  
Edisi 'MINDEF SOR 2011 dan  
MINDEF SOR 2015' adalah  
tidak lagi digunakan.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Pemberitahuan Tawaran  
Kementerian Pertahanan**

**Rujukan Bilangan  
dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU /  
TL / TA / 8002

Permohonan Pembelian Lima (5)  
Jenis Kasut-Kasut Untuk  
Kegunaan Pegawai-Pegawai Dan  
Anggota-Anggota Lelaki Dan  
Wanita Tentera Laut Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah satu (1)  
minggu sebelum tarikh tutup  
tawaran, iaitu **Selasa,  
13 Januari 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
20 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN  
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan  
Tajuk Tawaran:**  
JMM / JKSH / Q&T /  
2025 / 26

Supply, Installation,  
Testing & Commissioning Of  
Audio Conference Systems For  
Dewan Persidangan Majlis  
Mesyuarat Negara And Bilik Rehat  
Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat,  
Bangunan Dewan Majlis,  
Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
Percum

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
13 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jabatan Perkhidmatan  
Pengurusan,  
Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan dan Tajuk  
Sebut Harga:**  
JPP / 1 / 3 / 16 / 4 / 25-26  
Quotation of Supply and Delivery  
Online Subscription Services  
for Management Services  
Department,  
Prime Minister's Office

**Yuran Sebut Harga  
(E-dokumen):**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
14 Januari 2026  
Jam 2.00 Petang







## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 388 / 2025 / ESTETRIPASH

**Keterangan:**  
Replacement Of Water-Cooled Chiller, Chilled Water Pump And Cooling Tower At M&E Plant Building, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**  
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan

**Kelas:** III dan / atau ke atas

**Kategori:** M01

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 389 / 2025 / UPP-PROJECT

**Keterangan:**  
Design And Build For Bungalow Of A Consultation Rooms At Child Development Centre (CDC), Kg Kiarong

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**  
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

**Kelas:** II  
Kategori: KA01, B01, M01, E01, KPB02, KPB03, KPB04 dan KPME05

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 390 / 2025 / UPP-PROJECT

**Keterangan:**  
Design And Build For Cardiac Rehabilitation At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**  
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

**Kelas:** II

**Kategori:** KA01, B01, M01, E01, KPB02, KPB03, KPB04 dan KPME05

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 392 / 2025 / UPP (TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Patient Care Assistance Services At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years



**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 393 / 2025 / UPP(TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Clinical Care Assistance Services At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 394 / 2025 / UPP (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Retinal Surgery Consumables For Eye Center Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 395 / 2025 / UPP(TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Endocrinology Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 403 / 2025 / JPR(TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumables (Sterilized Fistula Pack) For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 404 / 2025 / DSS

**Keterangan:**  
To Supply, Deliver, Install And Commission One Unit Of Portable Raman Spectroscopy For Illicit Drugs Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 405 / 2025 / LAB (TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of An Integrated Pest Control Management System Services For The Clinical Molecular Diagnostic Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) Building, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
20 Januari 2026  
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Bilangan Dan Keterangan Tawaran:**

KK / 372 / 2025 / LAB (TC)  
To Supply And Deliver Automated Mycobacteria Liquid Culture & Antibiotic Susceptibility Testing With Equipment Rental For National Mycobacteria Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Dan Keterangan Tawaran:**

KK / 373 / 2025 / LAB (TC)  
To Supply And Deliver Pre-Poured Media Agar (Chromagar & SSA) And Powder Media (Miller's Luria Bertani (LB) Broth & Lim (TODD HEWITT CNA) Broth For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tawaran:**

KK / 380 / 2025 / HTD (TC)  
The Provision Of Maintenance

Services For Reverse Osmosis Water Purification System For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Dan Keterangan Tawaran:**

KK / 381 / 2025 / PIHM (TC)  
Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate From Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Hospital Temburong To An Off-Site Location For Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tawaran:**

KK / 382 / 2025 / UPP (TC)  
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Eye Centre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Dan Keterangan Tawaran:**

KK / 383 / 2025 / UPP(TC)  
The Management And Operation

Of Kopitiam Café For Women And Children Centre Of Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tawaran:**

KK / 384 / 2025 / UPP (TC)  
The Provision And Management Of Hardware And Software Solution For 'Talian Harapan' Call Centre For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
13 Januari 2026  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan 2025**

**DA / JKSH / 145 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi:  
1. Sekolah Rendah Panchong  
2. Sekolah Rendah Benutan Daerah Tutong.  
Kementerian Pendidikan.  
Kod Blok: MKN / 03  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**DA / JKSH / 146 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan.  
Kod Blok: AK / 01  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**DA / JKSH / 147 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan - Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) Bagi Program Harapan:  
1. Sekolah Rendah Sungai Teraban  
2. Sekolah Rendah Labi Daerah Belait  
Kementerian Pendidikan.  
Kod Blok: PH / T8  
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**  
Sabtu,  
17 Januari 2026  
Jam 9.00 Pagi



## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
ADMIN / 2025-2026 / SH-04  
To Supply and Deliver Printers & Replacement Ink / Toner for Department Of Civil Aviation, Ministry of Transport and Infocommunications.

**Dokumen Sebut Harga bolehlah diperoleh:**  
Kaunter Seksyen Kewangan Aras Bawah Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
14 Januari 2026  
jam 2.00 Petang







# جوالن سالىنن كمبر ٢ دىكىتىل

## JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.  
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.  
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto ([www.infofoto.gov.bn](http://www.infofoto.gov.bn)) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 2383400**

**FAKS : 2382242**

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis

8.00 Pagi – 12.00 T/hari

2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu

8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn



# KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحت  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI  
DARI 40% SODIUM



**1** Pilih makanan segar dan tidak berproses

**2** Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



**3** Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

**4** Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

**5** Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus  
Mee Segera

1000 mg



Sebiji  
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan  
Kicap

376 mg



3 sudu makan  
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil  
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil  
Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan  
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam  
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping  
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan  
Amping

1.7 mg



Segenggam  
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana  
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123






كمنتيرين كصاحتين  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH



Program  
Pemeriksaan  
Kesihatan  
Kebangsaan

# PENYAKIT KARDIOVASKULAR



DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

## FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

## LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

## TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

*Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.*

"Fahami risiko awda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular





# MEMPERBAIKI DIRI MELALUI MUHASABAH, ISTIQAMAH

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BELAIT**, Isnin, 5 Januari. - Menjadi insan yang lebih baik bermula dengan usaha memperbaiki akhlak dan tingkah laku setiap hari. Dengan menanam nilai positif seperti kejujuran, sabar dan empati, seseorang dapat membina diri yang matang serta bermanfaat kepada masyarakat.

Sesungguhnya muhasabah dan memperbaiki diri ini adalah suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan kita. Terdapat empat kaedah untuk bermuhasabah iaitu pertama, memulakan muhasabah diri dengan mengenang semua kefarduan yang wajib ke atas kita untuk menyempurnakannya. Jika ada yang masih diabaikan berazamlah untuk menyempurnakannya.

Kefarduan yang disyariatkan kepada umat Islam adalah seperti mengerjakan sembahyang lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadan, menunaikan zakat dan menunaikan ibadah haji bagi yang berkemampuan.

Kesemua ini wajib ditunaikan dan dilaksanakan dengan sesempurna dan bukannya dilakukan dengan secara sambil lewa. Jika terdapat kewajipan dalam mengerjakan yang fardu itu masih diabaikan, maka hendaklah kita berazam dengan bersungguh - sungguh untuk menyempurnakannya dengan sebaik-baiknya.

Sentiasa istiqamah dan mempunyai kesedaran sebagai

langkah untuk mendekatkan diri kepada-Nya dalam memperbaiki amalan-amalan yang difardukan terhadap diri kita sebagai hamba-Nya.

Kedua, muhasabah diri terhadap maksiat, kemungkaran dan tegahan yang kita lakukan. Jika kita masih terlibat dengan semua ini, bertaubat, beristighfar dan kembalikan kepada ketaatan.

Berkaitan dengan ini, memang tidak dinafikan, setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan dosa. Namun, yang membezakan seorang insan yang baik ialah kesediaannya untuk mengakui kesilapan dan kesalahannya serta segera kembali ke pangkal jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Jika masih terlibat dengan maksiat dan perkara yang ditegah, maka segeralah bertaubat, beristighfar dan berusaha meninggalkan perbuatan tersebut serta kembali kepada ketaatan agar menjalani kehidupan yang lebih diberkati dengan kehidupan yang lebih tenang dan aman.

Ketiga, muhasabah diri terhadap kelalaian dan kealpaan. Kembalilah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan usaha mengingati-Nya dengan lebih memperbanyakkan sembahyang-sembahyang sunat atau berjemaah, mendengar tazkirah, berzikir dan membaca Al-Quran.

Dalam kesibukan menjalani kehidupan di dunia ini, membuatkan manusia lalai dalam mengerjakan amal ibadat. Oleh itu, kita perlu memperbanyakkan amalan - amalan seperti sembahyang sunat, sembahyang berjemaah, mendengarkan tazkirah, sentiasa berzikir kepada-Nya dan memperbanyakkan membaca

Al-Quran.

Amalan-amalan ini bukan sahaja meningkatkan keimanan sebagai seorang Muslim, malah membentuk keperibadian yang lebih ikhlas dan tawaduk.

Keempat, muhasabah pada seluruh anggota tubuh kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala seperti lidah, kaki, tangan, mata, telinga dan anggota lain. Tanyalah diri kita sendiri, apakah semua nikmat tersebut telah kita gunakan untuk mengejar keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Jika masih jauh daripada perkara tersebut, marilah kita kembali ke pangkal jalan, selagi hayat masih dikandung badan.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Ismail, 64 tahun dari Kampung Pandan, Kuala Belait mengenai pandangan beliau tentang tajuk Khutbah Jumaat bagi Negara Brunei Darussalam pada 2 Januari 2026.

Beliau mengongsikan, setiap kurniaan anggota tubuh yang diberikan kepada kita selaku umat manusia akan dipersoalkan kelak.

"Persoalannya adakah semua anggota tersebut digunakan bagi mengejar keredaan-Nya atau sebaliknya. Jika masih terlalu jauh daripada tujuan berkenaan tambahnya, maka segeralah bertaubat dan kembali ke pangkal jalan yang sebenar selagi hayat masih lagi dikandung badan kerana



kesempatan hidup dan nikmat yang diberikan seharusnya dipergunakan dengan sebaik-baiknya dan jangan dipersia-sia," jelasnya.

Istiqamah dalam mengerjakan

segala suruhan-Nya kerana sesungguhnya seorang Muslim yang mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangannya dijanjikan dengan pelbagai ganjaran.



## IKLAN

**DynamicsGrow**, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.

**KITA** perlu memperbanyakkan amalan - amalan seperti sembahyang sunat, sembahyang berjemaah, mendengarkan tazkirah, sentiasa berzikir kepada-Nya dan memperbanyakkan membaca Al-Quran.

## ALAI PINTAR 164

SOALAN 7 JANUARI 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Pilih ejaan yang betul
  - Perpustakaan
  - Perpustakaaaaan
  - Pepustakaan
- 3 jam bersamaan dengan?
  - 60 minit
  - 120 minit
  - 180 minit
- Antara berikut, yang manakah merupakan tabiat hidup sihat?
  - Tidur lewat malam
  - Bersenam secara berkala
  - Tidak minum air kosong

TARIKH TUTUP : 15 JANUARI 2026

## HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 163 :

Nama : Muhammad Firas Muzaffar bin Muhammad Fadhal  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0131551-01. Sekolah : Sekolah Seri Mulia Sarjana

Nama : Syarifah Safa Hareezah binti Harman Shah  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0126244-01. Sekolah : Sekolah Seri Mulia Sarjana (Jangsak)

Nama : Mohammad Noh Khairul Al-Farhan bin Mohd Arif  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0124378-01. Sekolah : Sekolah Rendah Tungku

## SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....  
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

## JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 163

- B – Membantu mereka
- A – 8,000,000
- C – BND12



# Persediaan menyeluruh menyambut sesi persekolahan 2026

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**DAYANGKU Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad, Pengetua Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah**

**T**IRAI sesi persekolahan tahun 2026 kini dibuka, menandakan permulaan baharu buat para pelajar, guru dan warga sekolah untuk melangkah ke alam pembelajaran dengan semangat, azam serta harapan yang lebih baik demi mencapai kecemerlangan bersama. Pembukaan musim sekolah bukan sekadar rutin tahunan, tetapi satu amanah besar dalam membentuk generasi berilmu, berakhlak dan berdaya saing. Persediaan rapi dari segi fizikal, akademik dan emosi menjadi keutamaan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

**T**AHAP persediaan maktab dan guru-guru dalam menyambut kehadiran para pelajar tingkatan enam atas bagi sesi persekolahan tahun ini adalah baik dan terancang. Pihak maktab telah membuat persiapan awal merangkumi penyediaan prasarana, kebersihan serta keselamatan persekitaran maktab agar berada dalam keadaan kondusif.

Selain itu, jadual waktu, pembahagian kelas dan perancangan aktiviti pembelajaran telah disusun dengan rapi sebelum cuti persekolahan bulan Disember bermula tahun lepas. Guru-guru juga telah bersedia dari segi perancangan pengajaran dan pembelajaran, termasuk penyediaan bahan pengajaran, kaedah pembelajaran yang sesuai serta penyesuaian kepada keperluan dan tahap pelajar.

Program aktiviti turut dirancang bagi menyesuaikan diri dengan suasana persekolahan. Pihak maktab telah awal merancang bagi Program Youth Enhancement yang diadakan dua hari, 3 dan 5 Januari 2026. Dalam program ini, pelajar didedahkan dengan VESPA (Vision, Effort, System, Practice and Attitude). Taklimat dan aktiviti dari setiap bahagian Akademik, Pentadbiran, Unit Pengajian Tinggi, kaunseling, Hal Ehwal Pelajar, CCA telah dirancang dengan teliti bagi memastikan pelajar bersedia untuk menghadapi peperiksaan 'A' Level pada tahun ini.

Bagi pelajar tingkatan enam bawah, pihak maktab akan mula merancang dari bulan Januari ini bagi memastikan pendaftaran dan kemasukan pelajar pada bulan Februari nanti akan berjalan dengan teratur dan efisien.

Secara keseluruhannya, kerjasama antara pihak pentadbir, guru dan kakitangan maktab menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memastikan sesi persekolahan bermula dengan lancar serta dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang selesa dan berkesan kepada para pelajar.



**HAJAH Azizah Haji Abdul Rahman, Pengetua Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri**

**P**IHAK sekolah melalui unit pendaftaran sekolah akan menyediakan nama-nama pelajar bagi setiap peringkat dan kelas bagi tahun persekolahan baharu iaitu tahun 2026. Bagi pelajar-pelajar Tahun 7, pelajar-pelajar ini perlu mendaftar ke sekolah menengah setelah keputusan peperiksaan PSR telah dikeluarkan. Pelajar-pelajar yang terpilih adalah dalam kalangan pelajar-pelajar dari kawasan tadahan dan pelajar-pelajar yang telah dipertimbangkan untuk belajar di sekolah ini.

Pihak pentadbiran dan unit akademik sekolah akan membuat pengaturan tenaga pengajar bagi setiap level dan subjek bagi tahun akademik yang baharu. Ini dipanggil *teachers deployment*. Perkara ini akan memudahkan unit penjadualan untuk melakar jadual mengajar guru-guru secara keseluruhan dan secara individu.

Pelantikan guru-guru kelas dan pembantu juga disediakan untuk memudahkan pengendalian dan pengurusan pelajar-pelajar bagi setiap kelas. Pengagihan buku-buku teks kepada semua pelajar juga dilaksanakan sebelum sesi pembelajaran dan pengajaran bermula pada awal tahun persekolahan setiap tahun. Ini memudahkan pelajar-pelajar untuk belajar dan membuat rujukan.

Seterusnya, jadual mengajar bagi guru-guru akan disediakan dan diberikan kepada guru-guru untuk memudahkan mereka membuat persediaan mengajar. Seperti lazimnya, guru-guru dikehendaki untuk membuat persediaan mengajar pada setiap minggu sebelum pengajaran bermula.

Di samping itu, pihak pentadbiran sekolah juga perlu menyediakan kalendar aktiviti sekolah sepanjang tahun akademik yang baharu. Kalendar ini dijadikan sebagai rujukan dan panduan bagi semua warga sekolah untuk maklumkan semua.

Akhir sekali, sesi pengajaran dan pembelajaran akan berlaku seperti lazimnya pada awal minggu pertama.

**DAYANGKU Hajah Azmida Diana Pengiran Haji Damit, Guru Besar Sekolah Rendah Mabohai**

**A**LHAMDULILLAH, pihak sekolah telah membuat persediaan awal dan menyeluruh bagi menyambut sesi persekolahan tahun 2026. Dari segi fizikal, bilik darjah, kemudahan asas serta persekitaran sekolah telah dipastikan berada dalam keadaan selamat, bersih dan kondusif bagi menyokong proses pembelajaran.

Dari aspek pengurusan akademik pula, guru-guru telah melaksanakan perancangan pengajaran, penyelarasan jadual serta penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran lebih awal. Guru-guru juga diberi ruang untuk berbincang dan berkongsi amalan terbaik agar pelaksanaan pengajaran dapat berjalan dengan lebih berkesan sejak hari pertama persekolahan.

Selain itu, pihak sekolah turut menitikberatkan aspek kesejahteraan murid, termasuk sokongan emosi serta proses penyesuaian, khususnya bagi murid baharu. Pihak sekolah komited untuk memastikan setiap murid hadir ke sekolah dalam suasana yang selamat, menyeronokkan dan bermakna.



**HAJAH Siti Afsah binti Haji Matassan, Pengajar Jabatan Pengajian Melayu Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah**

**F**OKUS utama saya selaku pendidik, pada awal penggal ini, adalah memastikan perancangan pengajaran dan pembelajaran selaras dengan sukatan pelajaran. Selain itu, guru perlu memastikan pelajar bersedia dari segi akademik dan memahami struktur Peperiksaan GCE 'A' Level. Guru perlu menyediakan bahan pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif bagi menarik minat pelajar untuk lebih fokus dalam subjek yang diajar.

Guru perlu mengenal pasti tahap penguasaan awal pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, guru perlu membentuk persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Penggal baharu ini adalah peluang untuk memperbaiki diri dan menetapkan hala tuju yang lebih jelas. Saya menasihatkan para pelajar agar memulakan penggal ini dengan sikap positif, disiplin yang tinggi dan komitmen terhadap pembelajaran. Urus masa dengan bijak, berani bertanya dan konsisten dalam usaha kerana kejayaan tidak datang secara kebetulan, 'Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang'.

Gunakan penggal baharu ini sebagai titik permulaan untuk lebih berdisiplin, fokus, dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran dan pengurusan masa yang baik adalah kunci kejayaan. Percaya pada diri sendiri dan jangan mudah berputus asa.

**HAFAH Hajah Abdul Hamid, Guru Sekolah Rendah Mabohai**

**F**OKUS utama pada awal penggal ini adalah memastikan murid dapat menyesuaikan diri dengan baik dari segi emosi, disiplin dan rutin pembelajaran. Bukan itu saja, penekanan kepada pengukuhan asas pembelajaran, menetapkan *target* belajar, serta mewujudkan suasana bilik darjah yang selamat, positif dan kondusif supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar sepanjang penggal.

Kepada pelajar, di tahun baharu, mulakan azam baharu untuk jadi yang lebih baik dari tahun sebelumnya. Tanamkan dalam diri sendiri sikap disiplin dan tanggungjawab dari segi pembahagian masa belajar dan masa yang terluang agar tidak digunakan dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Mulakan hari dengan sikap positif agar hari tersebut menjadi lebih produktif dan ceria.



**PENGIRAN Hajah Hasibah binti Pengiran Haji Ahmad, Ketua Jabatan Pengajian Melayu dan Guru Bahasa Melayu Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri**

**S**EPERTI mana yang kita ketahui, kemantapan yang padu bagi mempelbagaikan sumber pengajaran adalah suatu kemestian. Walau bagaimanapun pada awal penggal ini, fokus utama saya adalah bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong perkembangan menyeluruh pelajar-pelajar. Ini termasuk memastikan semua pelajar bersedia dari segi mental, emosi dan fizikal untuk kembali ke sekolah selepas cuti panjang.

Saya juga memberi penegasan kepada pemantapan asas pembelajaran, khususnya dalam literasi dan numerasi, agar pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih mantap dan bermakna.

Selain itu, saya turut menitikberatkan tentang kepentingan komunikasi yang berkesan antara guru, pelajar dan ibu bapa serta penjaga, bagi memastikan sebarang tentangan dapat ditangani secara bersama.

Saya ingin berpesan kepada semua pelajar, agar sentiasa memulakan penggal baharu ini dengan semangat yang tinggi dan sikap positif. Jadikan setiap hari sebagai peluang untuk belajar sesuatu yang baharu dan meningkatkan kualiti diri. Jangan takut untuk mencuba, bertanya dan berusaha. Ingatlah bahawa kejayaan tidak datang dengan mudah, tetapi dengan usaha yang berterusan dan dukungan daripada guru serta rakan-rakan, tidak ada yang mustahil untuk dicapai. Sentiasa berdisiplin, hormati guru dan rakan, serta jaga akhlak dan sahsiah diri. Bersama-sama kita cipta suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna.







# TRAFIK UDARA REPUBLIK HELLENIC GREECE PULIH SEBAHAGIAN SELEPAS GANGGUAN DI SELURUH NEGARA

**ATHENS, 5 Jan.** - Trafik udara di Republik Hellenic Greece pulih sebahagiannya pada petang Ahad selepas gangguan besar menjejaskan semua lapangan terbang di seluruh negara dan menghentikan penerbangan masuk serta keluar, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Punca gangguan itu masih belum dikenal pasti. Bagaimanapun, penyiar awam Republik Hellenic Greece, ERT,

melaporkan bahawa satu sistem komunikasi alternatif telah digunakan, sekali gus membolehkan sebahagian penerbangan berlepas.

ERT menambah bahawa siasatan bersama secara menyeluruh sedang dijalankan dengan penyertaan pihak berkuasa penerbangan awam negara itu serta badan berkaitan lain.

Menurut penyiar berkenaan, setakat ini hanya kira-kira 35

penerbangan lintas ruang udara dibenarkan, manakala kebanyakan penerbangan ke dan dari Republik Hellenic Greece dilencongkan ke lapangan terbang di negara jiran, Republik Turkiye.

Sementara itu, syarikat telekomunikasi utama Republik Hellenic Greece, OTE memaklumkan bahawa gangguan berkenaan bukan berpunca daripada kegagalan teknikal pada litar miliknya, sekali gus

menyangkal laporan media masalah berkenaan dengan sebelum ini yang mengaitkan kerosakan litar. - ©BERNAMA

## Angka korban serangan pasar di Nigeria meningkat kepada 50 orang

**ABUJA (Nigeria)/ANKARA, 5 Jan.** - Jumlah kematian akibat serangan kumpulan bersenjata di sebuah pasar di negeri Niger, Nigeria meningkat kepada 50 orang, lapor Anadolu Ajansi yang memetik laporan tempatan pada Ahad.

Dalam kejadian pada Sabtu itu, sekumpulan lelaki bersenjata menyerbu pasar Kasuwan Daji di Kampung Demo sebelum melepaskan tembakan rambang ke arah penduduk.

Selain membunuh mangsa, kumpulan itu turut melarikan sebilangan besar penduduk dan merampas bekalan makanan.

Satu majlis pengebumian beramai-ramai telah diadakan bagi mangsa yang terkorban, manakala mangsa yang cedera dikejarkan ke hospital berdekatan untuk rawatan

lanjut.

Presiden Bola Tinubu mengecam keras serangan berkenaan dan mengarahkan pasukan keselamatan untuk memburu serta menahan dalang di sebalik insiden itu.

"Mereka sedang mencabar ketegasan negara dan mesti menerima kesan sepenuhnya atas tindakan jenayah ini," katanya. Tinubu turut mengarahkan pihak berkuasa untuk segera menyelamatkan semua individu yang dilarikan dalam serangan itu.

Negeri Niger menyaksikan serangan penganas yang berulang kali dalam beberapa minggu kebelakangan ini, terutamanya di komuniti luar bandar yang terdedah kepada ancaman kumpulan bersenjata

yang beroperasi dari kawasan hutan.

Pada 21 November tahun lepas, sekumpulan lelaki bersenjata melarikan 315 individu termasuk 303 pelajar dan 12 guru dari Sekolah Rendah dan Menengah Katolik Persendirian St Mary di Papiri, Kawasan Kerajaan Tempatan Agwara.

Walaupun kira-kira 50 pelajar berjaya melarikan diri pada hari pertama dan bersatu semula dengan keluarga mereka, kerajaan persekutuan kemudiannya berjaya membebaskan 100 yang lain.

Pada 21 Disember, Menteri Penerangan Mohammed Idris mengumumkan bahawa kesemua baki pelajar yang dilarikan telah dibebaskan. - ©BERNAMA

## Republik Kesatuan Myanmar beri pengampunan kepada lebih 6,100 banduan

**BANGKOK, 5 Jan.** - Kerajaan tentera Republik Kesatuan Myanmar pada Ahad memberi pengampunan kepada 6,134 banduan sempena Hari Kemerdekaan Ke-78 negara itu serta bagi mengekalkan hubungan mesra dengan negara lain, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut satu kenyataan, pengampunan itu turut melibatkan 52 warga asing, namun kewarganegaraan mereka tidak didedahkan.

Bagaimanapun, pengampunan berkenaan tidak membabitkan Aung San Suu Kyi, yang digulingkan tentera pada 2021 dan dijatuhi hukuman penjara sekurang-kurangnya 27 tahun melalui beberapa siri percabaran.

Laporan awal menyatakan beberapa banduan berprofil tinggi, termasuk dalam kalangan mereka yang dibebaskan, antaranya bekas Menteri Penerangan Ye Htut yang dipenjarakan selama 10 tahun pada 2023 selepas didapati bersalah menyebarkan maklumat palsu dan menghasut pemberontakan.

Setakat ini, tidak jelas jumlah banduan politik yang terlibat dalam pengampunan itu.

Menurut Persatuan Bantuan Tahanan Politik, lebih 30,216 orang telah ditahan sejak rampasan kuasa itu, dengan kira-kira 22,682 masih berada dalam tahanan. Sekurang-kurangnya 7,640 orang dilaporkan maut dalam tindakan keras oleh kerajaan tentera. - ©BERNAMA

## Latvia dapati kabel dasar laut rosak di Laut Baltik

**RIGA, 5 Jan.** - Satu kabel dasar laut di Laut Baltik sekali lagi dilaporkan mengalami kerosakan, kali ini dikesan di luar pesisir pantai Latvia, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Kabel gentian optik milik sebuah syarikat swasta didapati rosak di Laut Baltik berhampiran Liepaja," kata Perdana Menteri Evika Silina menerusi platform X pada malam Ahad.

Menurut Polis Latvia, kerosakan itu disyaki berpunca daripada sebuah kapal. Walau bagaimanapun, punca sebenar insiden yang berlaku pada 2 Jan di perairan wilayah Latvia itu masih belum dapat dipastikan.

Berdasarkan maklumat daripada Tentera Laut Latvia, kapal berkenaan dikatakan pada mulanya berlayar di atas kabel yang tidak aktif sebelum mengubah haluan ke arah kabel yang kini disahkan rosak, kata pihak polis.

Satu siasatan telah dilancarkan selepas kapal yang disyaki itu dikenal pasti, dan anggota kru kapal berkenaan telah disoal siasat.

Pasukan penyiasat turut menaiki kapal itu yang kini berlabuh di Pelabuhan Liepaja. Pihak polis menyatakan bahawa kapal dan kru yang memberikan kerjasama itu belum ditahan setakat ini, sementara siasatan masih diteruskan.

Liepaja merupakan bandar ketiga terbesar di Latvia dan terletak di pinggir pantai Laut Baltik, di utara sempadan Lithuania.

Menurut laporan, maklumat awal mengenai kemungkinan kerosakan kabel itu diterima daripada negara jiran, namun ia dikatakan tidak memberi kesan kepada pengguna di Latvia. Kerosakan kabel dasar laut ini merupakan insiden kedua yang berlaku di Laut Baltik dalam tempoh seminggu.

Pada malam Ambang Tahun Baharu, sebuah kabel data yang menghubungkan Estonia dan Finland dilaporkan rosak. Sebuah kapal yang dikesan oleh pihak berkuasa Finland dengan rantai sauh diturunkan telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam insiden itu. - ©BERNAMA

Greenland.

Bulan lepas, Trump mengumumkan pelantikan Gabenor Louisiana, Jeff Landry sebagai utusan khas AS ke Greenland, sekali gus memperbaharui ketegangan diplomatik antara Washington dan Kerajaan Denmark.

Sejak memegang jawatan pada Januari 2025, Trump berulang kali menyatakan minat untuk menguasai Greenland dan berkata beliau tidak menolak penggunaan "paksaan ketenteraan atau ekonomi" untuk mencapai matlamat itu. - ©BERNAMA

## Republik Indonesia zahir kebimbangan terhadap perkembangan terkini di Venezuela

**JAKARTA, 5 Jan.** - Republik Indonesia menzahirkan kebimbangan mendalam terhadap perkembangan terbaharu di Venezuela susulan tindakan Amerika Syarikat (AS) menahan Presiden Nicolas Maduro.

Kementerian Luar Republik Indonesia dalam satu kenyataan berkata kerajaan negara itu sedang memantau rapi situasi berkenaan dan menegaskan bahawa penghormatan terhadap kedaulatan, diplomasi serta undang-undang antarabangsa mesti kekal menjadi asas kepada usaha menangani krisis itu.

Republik Indonesia turut memberi amaran bahawa sebarang penggunaan atau ancaman kekerasan boleh mewujudkan duluan yang berbahaya dalam hubungan antarabangsa serta menjejaskan kestabilan serantau.

"Adalah menjadi keperluan untuk komuniti antarabangsa menghormati hak dan kemahuan rakyat Venezuela dalam melaksanakan kedaulatan mereka serta menentukan hala tuju dan masa depan sendiri," menurut Kementerian itu menerusi akaun X miliknya.

Republik Indonesia menggesa semua pihak supaya menahan diri, kembali ke meja rundingan dan menghormati sepenuhnya undang-undang antarabangsa, termasuk prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pasukan tentera AS melancarkan operasi ketenteraan di Caracas pada awal pagi 3 Jan, menahan Maduro dan isterinya, Cilia Flores sebelum menerangkan mereka ke New York untuk berdepan pertuduhan persekutuan. - ©BERNAMA

## Menteri Luar Norway sokong kedaulatan Denmark susulan Trump kembali berminat terhadap Greenland

**OSLO, 5 Jan.** - Menteri Luar Norway Espen Barth Eide menegaskan pada Ahad bahawa kedaulatan sesebuah negara mesti dihormati selepas Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump sekali lagi menyatakan AS memerlukan Greenland, lapor Xinhua.

"Kenyataan beliau yang diulangi itu mengingatkan kita betapa pentingnya untuk mempertahankan prinsip-prinsip asas. Kedaulatan sesebuah negara mestilah dihormati," kata Eide dalam satu temu bual

bersama penyiar Norway, NRK.

Beliau berkata Norway, seperti negara Eropah yang lain, menyatakan solidariti bersama Denmark dan menambah bahawa sebarang perubahan dalaman dalam Kerajaan Denmark adalah keputusan rakyat Denmark dan Greenland sendiri, bukannya pihak lain.

Eide turut berkata bahawa tidak ada kaitan langsung antara campur tangan AS di Venezuela dengan Denmark atau Greenland, sambil memetik perbezaan konteks sejarah yang


ketara.

Trump dalam satu temu bual telefon dengan The Atlantic pada Ahad berkata AS "secara mutlak" memerlukan Greenland. Beliau turut membincangkan campur tangan AS di Venezuela.

Sebagai tindak balas, Perdana Menteri Denmark Mette Frederiksen dalam satu kenyataan berkata AS tidak mempunyai hak untuk mendarat atau merampas Greenland, serta menggesa Washington supaya menghentikan ancaman terhadap sekutu rapat dan rakyat



# SEKTOR PENERBANGAN AWAM REPUBLIK RAKYAT CHINA CATAT PERTUMBUHAN STABIL



**BEIJING, 6 Jan.** - Industri penerbangan awam Republik Rakyat China mengekalkan pembangunan yang stabil pada tahun 2025, dengan semua petunjuk utama mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, menurut data yang dikeluarkan pada hari Selasa di persidangan

**JIANG (tengah), penumpang ke-90 juta Hab Penerbangan Antarabangsa Chengdu pada tahun 2025, bergambar bersama kakitangan lapangan terbang di Lapangan Terbang Antarabangsa Chengdu Shuangliu di Chengdu, barat daya wilayah Sichuan Republik Rakyat China, pada 31 Disember 2025.**

kerja penerbangan awam kebangsaan.

Civil Aviation Administration of China (CAAC) mengumumkan bahawa industri ini telah mencapai jumlah perolehan pengangkutan sebanyak 164.08 bilion tan - kilometer pada tahun 2025, peningkatan 10.5 peratus tahun ke tahun.

Jumlah penumpang mencapai 770 juta pada tahun 2025, meningkat 5.5 peratus daripada tahun sebelumnya, menurut data CAAC. Jumlah kargo dan mel mencecah 10.17 juta tan, peningkatan sebanyak 13.3 peratus tahun ke tahun.

Di persidangan kerja itu, Song Zhiyong, Ketua CAAC, berkata industri ini telah mengekalkan trend pembangunan yang stabil secara keseluruhan pada tahun 2025, dengan objektif dan tugas utama diselesaikan.

Menurut Song, trafik penumpang antarabangsa

melonjak sebanyak 21.6 peratus tahun ke tahun pada tahun 2025, dengan jumlah penumpang ke Asia Tengah, Asia Barat, Afrika dan Amerika Latin masing-masing meningkat sebanyak 59.3 peratus, 33.4 peratus, 39 peratus dan 108.6 peratus, tahun lepas.

Industri ini mencatat keuntungan gabungan sebanyak 6.5 bilion yuan (kira-kira USD926.28 juta) pada tahun 2025, mencerminkan prestasi perniagaan yang lebih baik.

Melangkah ke hadapan, Song menjangkakan bahawa industri ini akan mencapai perolehan pengangkutan sebanyak 175 bilion tan-km, trafik penumpang sebanyak 810 juta, dan jumlah kargo dan mel sebanyak 10.7 juta tan pada tahun 2026. - ©XINHUA

## Banjir Kepulauan Sitaro : 11 maut, lima masih hilang

**JAKARTA, 6 Jan.** - Banjir kilat yang melanda Kepulauan Sitaro di Sulawesi Utara, Republik Indonesia pada Isnin meragut 11 nyawa, manakala lima lagi masih dikhuatiri hilang setakat pagi Selasa.

Ketua Data, Maklumat dan Komunikasi Bencana, Agensi Pengurusan Bencana Nasional (BNPB) Abdul Muhari berkata daripada jumlah kematian itu, enam mayat telah dikenal pasti manakala baki lima lagi masih dalam proses pengumpulan data.

"Sehingga malam semalam, lima orang masih hilang atau dalam pencarian. Operasi mencari dan

menyelamat (SAR) belum diteruskan kerana terhalang cuaca buruk iaitu hujan lebat yang berpotensi menyebabkan banjir dan tanah runtuh susulan di lokasi bencana.

"Operasi SAR akan segera disambung hari ini," katanya dalam satu kenyataan.

Banjir kilat yang dicetuskan oleh hujan lebat berpanjangan itu menyebabkan jalan raya dilitupi batu dan lumpur serta menenggelamkan kawasan perumahan berhampiran.

BNPB memaklumkan empat daerah terjejas iaitu Siau Timur, Siau Tenggara, Siau Barat dan Siau

Barat Daya.

Setakat pagi Selasa, banjir itu menjejaskan 143 keluarga, melibatkan 444 penduduk yang terpaksa dipindahkan ke pusat perlindungan sementara.

Abdul Muhari berkata sebagai tindak balas terhadap situasi kecemasan itu, kerajaan tempatan mengisytiharkan status darurat bencana selama 14 hari, berkuat kuasa mulai Isnin.

Bellau turut memaklumkan yang air banjir surut menjelang tengah hari Isnin, namun bekalan elektrik dan rangkaian telekomunikasi di kawasan terjejas masih terganggu. - ©BERNAMA

## Rompakan wang tunai di lebuh raya Itali

**ROM, 6 Jan.** - Penyerang tidak dikenali melarikan kira-kira 400,000 (US\$468,000), dalam satu rompakan berani yang menyasarkan kenderaan yang membawa wang tunai di lebuh raya Itali pada Isnin, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pihak berkuasa berkata pencuri menghentikan aliran trafik dengan menyekat jalan menggunakan beberapa kenderaan sebelum melancarkan serangan pantas ke atas van berkenaan.

Mereka turut menggunakan bom asap, menabur paku bagi

memecahkan tayar kenderaan lain, serta melepaskan tembakan ke arah kenderaan perisai itu.

Ketika pemandu dan pengawal masih berada di dalam kenderaan, penyerang menggunakan bahan letupan untuk membuka van dan peti simpanannya, menurut agensi berita Itali ANSA. Mereka kemudian melarikan diri bersama wang tunai berkenaan.

Rompakan itu berlaku pada awal pagi di sebuah lebuh raya berhampiran Ortona, di wilayah Abruzzo, tengah Itali.

Siasatan awal mendapati tiada kecederaan serius dilaporkan, namun dua individu menerima rawatan di lokasi kejadian akibat terhidu asap. Bahagian lebuh raya yang terjejas ditutup sementara, menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Polis melancarkan operasi memburu secara besar-besaran, namun bilangan suspek yang terlibat masih belum dikenal pasti. Mereka dipercayai melarikan diri menggunakan kenderaan berkuasa tinggi, menurut ANSA. - ©BERNAMA

## Penduduk dua kampung di Republik India dipindahkan selepas kebocoran gas di telaga ONGC

**NEW DELHI, 6 Jan.** - Penduduk di dua kampung di negeri Andhra Pradesh, selatan Republik India, dipindahkan pada Isnin selepas kebocoran gas mencetuskan kebakaran besar di sebuah telaga milik Oil and Natural Gas Corp (ONGC), menurut pihak berkuasa.

Tiada laporan segera mengenai korban, kata pihak berkuasa, ketika pasukan kecemasan berusaha mengawal kawasan kejadian di daerah Mori.

Dalam satu kenyataan, ONGC memaklumkan kawasan berkenaan telah dipagar, operasi penyejukan dimulakan, dan

syarikat itu telah menggerakkan Pasukan Pengurusan Krisis dan Pasukan Pengurusan Krisis Serantau.

ONGC berkata kerja-kerja persediaan sedang dijalankan bagi memudahkan kawalan telaga dan, jika perlu, penutupan telaga.

Syarikat tenaga Republik India India itu turut memaklumkan bahawa penyelarasan telah dimulakan dengan pakar kawalan telaga antarabangsa, termasuk pengaturan pergerakan bagi menyokong operasi kawalan telaga lanjutan dan pemotongan selongsong, tertakluk kepada penilaian tapak.

ONGC berkata telaga Mori-5 terletak di kawasan terpencil tanpa penempatan manusia dalam lingkungan radius 500 hingga 600 meter.

Kebocoran berlaku ketika kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan menggunakan pelantar *workover*, yang menyebabkan berlakunya letupan keluar, menurut laporan media tempatan.

Kira-kira 10 jentera bomba dihantar ke lokasi kejadian dan penduduk kampung berdekatan lrusumanda serta Lakkavaram dipindahkan ke tempat yang lebih selamat, menurut laporan berkenaan. - ©BERNAMA

## Poland akan perkenal undang-undang sekat individu bawah 16 tahun layari media sosial

**WARSAW, 6 Jan.** - Kementerian Hal Ehwal Digital Poland mendedahkan pada Isnin rancangannya untuk memperkenalkan beberapa langkah pada tahun ini bagi menyekat kanak-kanak daripada menggunakan media sosial dengan mewajibkan platform mengesahkan umur pengguna ketika akaun dicipta, lapor Anadolu Ajansi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Digital Dariusz Standerski menerusi catatan di platform X berkata Poland perlu 'menyekat golongan muda berumur bawah 16 tahun daripada media sosial'.

Menurut Standerski, apabila seseorang pengguna mencipta akaun media sosial, mereka akan diminta mengesahkan umur mereka, selepas itu satu kelayakan akan dijana dalam dompet identiti digital.

Bellau berkata Poland sedang bekerjasama dengan negara anggota lain yang sedang menguji sistem serupa dan Suruhanjaya Eropah juga sedang mengusahakan pendekatan pengesahan umur yang diselaraskan di seluruh blok 27 negara anggota.

Cadangan Poland itu sejajar dengan langkah di beberapa negara Eropah lain susulan keputusan Australia untuk menyekat akses media sosial bagi mereka yang berumur bawah 16 tahun.

Republik Perancis sedang menyediakan perundangan yang akan melarang media sosial untuk individu berusia bawah 15 tahun bermula tahun persekolahan 2026, manakala Denmark juga mengumumkan rancangan untuk mengenakan sekatan terhadap golongan bawah 15 tahun.

Pada November, Parlimen Eropah menyokong satu laporan yang menyeru penetapan umur minimum 16 tahun di seluruh EU untuk akses media sosial, sambil membenarkan mereka berumur 13 hingga 15 tahun menggunakan platform dengan kebenaran ibu bapa, di samping perlindungan yang lebih kukuh untuk golongan bawah umur.

Pada akhir Disember, Poland menggesa Suruhanjaya Eropah agar menyiasat TikTok berhubung kandungan janaan Kecerdasan Buatan (AI) yang menurut pegawai Poland kelihatan mempromosi naratif anti-Kesatuan Eropah.

Standerski berkata kerajaan menjangkakan akan mempunyai peralatan teknikal yang diperlukan menjelang 2026 dan percaya keadaan itu menjadikan tahun ini 'masa yang sesuai' untuk memperkenalkan peraturan berkenaan. - ©BERNAMA

## Gempa bumi bermagnitud 6.2 gegarkan barat Jepun, tiada amaran tsunami dikeluarkan

**TOKYO, 6 Jan.** - Satu gempa bumi dengan magnitud awal 6.2 melanda wilayah Shimane dan Tottori di barat Jepun pada Selasa, namun tiada amaran tsunami dikeluarkan, menurut agensi cuaca negara itu.

Menurut Kyodo News, gempa yang berlaku pada 10.18 pagi itu berpusat di timur Wilayah Shimane dengan bacaan skala intensiti seismik Jepun pada tahap '5-atas' daripada skala maksimum 7. Beberapa siri gegaran susulan turut dilaporkan, termasuk gempa bermagnitud 5.4 pada kira-kira 10.37 pagi.

Menurut Agensi Meteorologi Jepun (JMA), gempa bumi awal itu dikesan pada kedalaman 10 kilometer.

Sementara itu, pengendali Chugoku Electric Power Co memaklumkan tiada sebarang keluarbiasaan dikesan di loji kuasa nuklear Shimane yang terletak di Matsue setakat ini. - ©BERNAMA





## KAYUHAN SANTAI BERBASIKAL ERAT PERPADUAN, PUPUK GAYA HIDUP SIHAT



SESI bergambar ramai pada Aktiviti Kayuhan Santai Berbasikal Sempena Tahun Baharu 2026.

mengambil kesempatan bergambar ramai di tempat-tempat menarik seperti Logo RPN Tanah Jambu, Taman Rekreasi 1 RPN Meragang, Masjid Az-Zakireen Meragang dan Logo RPN Meragang.

Para peserta juga mengambil berkesempatan singgah ke Taman Rekreasi Tanjung Batu untuk menikmati suasana peranginan pantai dan bergambar ramai sebelum meneruskan perjalanan balik ke Masjid Setia Ali Pekan Muara.

Tujuan utama kayuhan diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahmi dan perpaduan dalam kalangan peserta-peserta berbasikal sekali gus untuk menarik aktiviti berbasikal menjadi pilihan utama bagi memupuk gaya hidup yang lebih sihat.

Sempena tahun baharu ini juga, acara kayuhan akan terus dibuat dari semasa ke semasa selain daripada kayuhan Bandarku Ceria (BKC) yang kerap diadakan pada hari Ahad.

**Berita dan Foto : Ihsan Zainal Abidin Sahari**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 Januari. - Seramai 16 orang penggemar basikal pelbagai jenis dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait menyertai Aktiviti Kayuhan Santai Berbasikal Sempena Tahun Baharu 2026 yang diadakan di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu Mukim Menteri dan Perumahan Negara Meragang Mukim Serasa baru-baru ini.

Acara kayuhan bermula dari kawasan Masjid Setia Ali Pekan Muara sejauh lebih kurang 24 kilometer.

Kayuhan diketuai oleh Awang Haji Abd. Rahman bin Sapar dibantu oleh Awang Zainal bin Haji Jumaat selaku Ketua Marshal serta menjaga keselamatan semua peserta sepanjang kayuhan dijalankan.

Turut menyertai kayuhan tersebut ialah Ketua Kampung RPN Tanah Jambu, Pengiran Mazrawi bin Pengiran Haji Mahmud dan Pemangku Ketua Kampung RPN Serasa, Awang Abdul Hamid bin Haji Zainin.

Sebelum kayuhan bermula, bacaan Doa

Selamat dibacakan oleh Awang Raduan bin Haji Jamil.

Setelah selesai doa, acara diteruskan penerangan keselamatan dan peraturan berbasikal semasa berada di jalan raya oleh Ketua Marshal.

Kayuhan tersebut bermula melalui Jalan Utama iaitu Jalan Muara, Lebuh raya Muara Tutong, Jalan Binglu RPN Tanah Jambu, Jalan Rumbia, Jalan Wasai Lamiru RPN Meragang, Jalan Kamangsi Barat, Jalan Tanjung Suntung dan balik melalui Lebuh raya Tutong Muara dan Jalan Muara.

Semasa kayuhan, para peserta

## Visi, komitmen pasukan dorong Pan Gon sertai Selangor FC

**KUALA LUMPUR**, 6 Jan. - Ketua jurulatih Selangor FC yang baharu dilantik Kim Pan Gon berkata visi dan komitmen pasukan menjadi faktor utama mendorong beliau menyertai kelab berkenaan.

Beliau berkata Selangor mempunyai sasaran jelas dan objektif yang selari dengan aspirasinya selaku jurulatih.

Bekas pengendali skuad Harimau Malaya itu juga mengakui kelab bola sepak itu telah menunjukkan kefahaman terhadap kepimpinan serta falsafah bola sepak yang ingin diterapkannya.

"Kelab ini telah menunjukkan dedikasi yang tinggi serta kefahaman mendalam terhadap falsafah dan kepimpinan yang

akan saya bawa.

"Selain itu, sasaran dan objektif kelab juga selari dengan aspirasi peribadi saya sebagai jurulatih," kata pakar taktikal berusia 56 tahun dari Republik Korea itu dalam satu kenyataan.

Mengenai pendekatan bakal digunakan, Pan Gon berkata falsafahnya berteraskan pemain dengan penekanan diberikan kepada aspek persiapan berkualiti serta kejelasan taktikal.

Beliau berkata pembentukan skuad seimbang yang menggabungkan pemain berpengalaman dan bakat muda amat penting, disokong oleh nilai seperti disiplin, profesionalisme, fokus dan

semangat berpasukan.

"Di luar padang, saya akan terus memberi dorongan dan motivasi agar para pemain dapat bersaing sebagai satu pasukan," katanya.

Sementara itu, Pan Gon yang membimbing Ulsan HD dari Republik Korea menjuarai Liga K1 2024 berkata sokongan padu dan tidak berbelah bahagi penyokong Selangor FC turut menjadi antara faktor yang mendorongnya menerima jawatan tersebut.

Semalam, Pan Gon diumumkan ketua jurulatih baharu Selangor FC, manakala ketua jurulatih interim Christophe Gamel dilantik pengarah teknikal kelab itu.

Pan Gon telah berjaya memperbaiki kedudukan pasukan kebangsaan dalam *ranking* Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) daripada tangga ke-154 kepada ke-134 antara 2022 hingga 2024, dengan Malaysia mencapai kedudukan terbaik di tangga ke-130 pada November 2023.

Di bawah bimbingannya, Malaysia turut layak ke Piala Asia secara merit buat kali pertama sejak 1980.

Selangor kini berada di kedudukan keempat Liga Super dengan mengumpul 25 mata selepas 13 perlawanan, ketinggalan 14 mata di belakang pendahulu liga dan juara bertahan, Johor Darul Ta'zim (JDT). - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**ZIKIR MENGHIDUPKAN HATI YANG HAMPIR MATI DAN MEMPERBAIKI AKHLAK**